



LONJAKAN LEBIH RM100 JUTA DALAM 5 TAHUN

- Sebelum 2018, pendapatan kerajaan negeri hanya sekitar RM400 juta. Melonjak selepas 5 tahun iaitu 2022 (RM521 juta) dan 2023 (RM541.3 juta), surplus bagi 2 tahun berturut-turut.
- Dipacu oleh urus tadbir cekap, kutipan hasil yang efisien dan kejayaan mengekang ketirisan.
- Pertumbuhan KDNK meningkat pada kadar 6.4, tertinggi dalam rekod pencapaian negeri Sembilan. (Laporan Statistik Negeri Sembilan bagi Suku Tahun keempat 2023)

MUKA 3

MUKA 9

Pelabur yakin dengan
Kerajaan Perpaduan
Negeri Sembilan

MUKA 5

RM22.75
juta untuk
peningkatan
keterjaminan
makanan

SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA BUAT SELURUH UMAT ISLAM



JELAJAH IHYA' RAMADAN

Bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Tarikh	Iktikaf, Qiamullail Sahur, Solat Subuh dan Kuliah Subuh (2.00 pagi – 8.00 pagi)	Berbuka Puasa dan Solat Maghrib	Solat Isya dan Tarawih, Moreh
20 Ramadan 31 Mac 2024 (Ahad)	Masjid Jamek Yam Tuan Raden, Kuala Pilah Imam Jemputan: Ustaz Dr Amru AlHaz b Adnan <i>KPP Bahagian Undang-Undang Keluarga, JAIS</i>	Masjid Kariah Lubuk Cina (DUN Kota)	Surau Al Hidayah Rumah Rakyat Sri Layang (Masjid sementara Bongek)
21 Ramadan 1 April 2024 (Isnin)	Masjid Jamek An-Nur, Rembau Imam Jemputan : Ustaz Shukri Ali <i>(Sudais Malaysia)</i>	Masjid Kariah Chuah (DUN Chuah)	Masjid Kariah Kampung Sawah (DUN Chuah)
22 Ramadan 2 April 2024 (Selasa)	Masjid Taman Politeknik, Port Dickson Imam Jemputan: Ustaz Mohamad Husaini b Mahmur <i>Qari Negeri Sembilan</i>	Masjid Felda Palong 2 (DUN Jeram Padang)	Masjid Qaryah Felda Palong 3 (DUN Palong)
23 Ramadan 3 April 2024 (Rabu)	Masjid Tuanku Muhriz , Jempol Imam Jemputan: Ustaz Shukri Ali <i>(Sudais Malaysia)</i>	Masjid Assyakirin, Gemencheh (DUN Gemencheh)	Masjid Jamek Gemencheh (DUN Gemencheh)
24 Ramadan 4 April 2024 (Khamis)	Masjid Jamek Tunku Besar Tampin Imam Jemputan: Ustaz Dr Amru AlHaz b Adnan <i>KPP Bahagian Undang-undang Keluarga, JAIS</i>	Masjid Kerangai (DUN Pertang)	Masjid Kariah Sungai Relai Peradong (DUN Klawang)
25 Ramadan 5 April 2024 (Jumaat)	Masjid Warisan Kuala Dulang, Klawang, Jelevu Imam Jemputan: Ustaz Shukri Ali <i>(Sudais Malaysia)</i>	Masjid Kuarters KLIA (DUN Labu)	Masjid Kariah L.B.J (DUN Labu)
26 Ramadan 6 April 2024 (Sabtu)	Masjid Dato Klana Petra Mohd Yusof, Sikamat Seremban Imam Jemputan: Ustaz Mohamad Husaini b Mahmur <i>Qari Negeri Sembilan</i>	Masjid Jamek Dato Klana Petra Sendeng (DUN Ampangan dan DUN Sikamat)	
27 Ramadan 7 April 2024 (Ahad)	Masjid Negeri, Seremban Imam Jemputan: Ustaz Shukri Ali <i>(Sudais Malaysia)</i>		



Semua dijemput hadir
mengimarahkan 10 akhir Ramadan



ANALISA

2019-2023: Pendapatan negeri catat pertambahan lebih RM100 juta

DALAM tempoh 30 tahun pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan, ia telah melalui 3 era pemerintahan Menteri Besar yang mempunyai cara dan gaya pentadbiran yang tersendiri. Lensa media mula tertumpu ke Negeri Sembilan apabila berlaku penukaran Menteri Besar selepas 22 tahun Tan Sri Isa Samad menduduki takhta tersebut dan beralih kepada Dato' Seri Utama Mohammad Hasan (Tok Mat).

Penggal pertama pentadbiran Tok Mat (2004-2008), impak ekonomi masih belum dilihat kerana beliau banyak melakukan proses "Economic Reconciliation". Selepas 2 kali pilihanraya, Tok Mat dilihat mendapat rentak dalam mengurus ekonomi negeri dan pencapaian tertinggi hasil pendapatan negeri pada akhir pentadbiran beliau (2017) adalah RM413.46 juta ketimbang hasil negeri pada 2009 hanya sekitar RM250 juta sahaja.

Bukan sekadar hasil pendapatan negeri, berdasarkan rekod kewangan, usaha Tok Mat dalam menurunkan hutang kerajaan negeri wajar diiktiraf apabila nilai hutang persekutuan berjumlah RM 2.0 billion telah menurun kepada RM 943.55 juta dalam tempoh 15 tahun pentadbiran.

Bagi tahun 2018, Tok Mat telah membentangkan Belanjawan Negeri berjumlah RM 412 juta pada akhir tahun 2017 sebelum berlakunya Pilihanraya ke-14 pada Mei 2018. Pertukaran Menteri Besar Negeri Sembilan pada tahun tersebut telah menyebabkan berlakunya pelbagai andaian tentang prestasi Negeri Sembilan untuk masa akan datang. Walau apa pun telahan umum, YAB Dato' Seri Utama Hj Aminuddin Harun (Tok Min) telah memberi lonjakan yang lebih baik dan berkesan terutamanya dalam aspek urustadbir kerajaan negeri. Dengan menyambung legasi yang ditinggalkan, Tok Min telah menjadi arkitek yang sangat berhati-hati dalam memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Sembilan.

Berdasarkan rekod, pendapatan Negeri Sembilan pada tahun 2018 yang diusahakan oleh Tok Min dan pasukan kerajaan baharu telah membuah hasil apabila berjaya mencatat hasil pendapatan berjumlah RM 421.24 juta walaupun baru sahaja mengambil alih kerajaan dalam masa 6 bulan.

Menelusuri sela masa 5 tahun pentadbiran Tok Min, misi membangun



negeri terbahagi kepada 2 situasi genting yang terpaksa dihadapi oleh beliau iaitu kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan dan Pandemik Covid-19. Indikator utama pada dua tahun pertama pentadbiran Tok Min dapat dilihat pada hasil kutipan negeri pada tahun 2019 dengan mencatatkan rekod tertinggi kutipan hasil berjumlah RM556.44 juta.

Jika dibandingkan hasil tahun 2019 ketimbang 2017, hasil negeri melonjak sehingga RM142.98 juta dalam tempoh 3 tahun dengan perbezaan 2 Menteri Besar. Bagi 2 tahun berikutnya iaitu semasa Pandemik Covid-19 (2020-2021), kutipan hasil negeri dilihat merosot kerana faktor rantaian kesan "shutdown negara" oleh Perdana Menteri Ke-8 ketika itu. Kerajaan Negeri Sembilan telah menyediakan belanjawan defisit RM100 juta bagi memastikan nasib rakyat dapat dibela dalam keadaan tersebut. Hakikatnya, bukan Negeri Sembilan sahaja yang terkesan, tetapi seluruh dunia turut merasai kesan tersebut.

Mendung awan tidak selamanya gelap. Sinar mentari pasti muncul kembali. Begitulah lumrah kehidupan. Pasca Covid-19, Negeri Sembilan lebih proaktif berbanding negeri-negeri lain apabila menjadi negeri pertama yang masuk ke Fasa 4 PKPP yang membolehkan aktiviti ekonomi bergerak lebih awal berbanding negeri-negeri lain. Peluang ini digunakan Tok Min dan seluruh jentera kerajaan untuk menghidupkan semula ekonomi Negeri Sembilan. Natijahnya, hasil pendapatan negeri bagi tahun 2022 dan 2023 telah mencecah lebih

RM500 juta.

Lonjakan ini menunjukkan kemampuan negeri yang pendapatan asalnya sekitar RM400 juta, telah meningkat ke satu aras yang lebih tinggi dan akan terus berkembang untuk tempoh 20 tahun akan datang. Perkembangan ini boleh kita lihat pada nilai pelaburan yang telah dicatatkan pada tahun 2023 dengan jumlah RM10.1 billion yang merupakan jumlah yang tertinggi dalam sejarah Negeri Sembilan seperti yang direkodkan oleh MIDA.

Semua rekod-rekod kewangan Negeri Sembilan boleh disemak dalam Penyata Kewangan Negeri (laman sesawang [www.https://pkwns.ns.gov.my](https://pkwns.ns.gov.my)). Ini bukan sekadar penyata kewangan, tetapi ia adalah

rekod kewangan negeri yang sentiasa diaudit Jabatan Audit Negara bagi membuktikan pencapaian ini telus. Tok Min menyatakan faktor pencapaian hasil pendapatan tersebut adalah kerana berkat urus tadbir kewangan yang berintegriti dan berhemah. Bukan itu sahaja, kesannya dapat dilihat pada Rizab Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 yang telah mencatatkan jumlah RM1.06 bilion.

Tahun 2024, jentera Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan telah mula bergerak dan bekerja berdasarkan belanjawan 2024 dengan jumlah RM555 juta. Semestinya dengan segala strategi yang telah dirangka, Negeri Sembilan sedang menuju kepada hasil pendapatan yang dijangkakan melebihi dari tahun-tahun sebelum ini. Segala hasil pendapatan kerajaan negeri tidak terlalu bergantung kepada peruntukan Persekutuan apatah lagi royalti minyak. Negeri ini telah membuktikan bahawa dengan berubahnya kepimpinan, negeri yang tiada royalti minyak seperti Negeri Sembilan mampu menambah hasil pendapatan negeri dengan prinsip urustadbir dan tatakelola yang baik. Bayangkan jika Negeri Sembilan mendapat royalti minyak? Pokoknya, orang yang memimpin.

Aspirasi Negeri Sembilan PERPADUAN
Bersama Membina Negeri Madani

TUANKU MUHRIZ BANGGA HASIL KUTIPAN NEGERI

"Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) hasil kutipan negeri adalah amat membanggakan.

"Beta berharap agar prestasi ini dikekalkan dengan cara meneruskan perancangan yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Khusus Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025.

14 Januari 2024 Sempena Sambutan Keputeraan DYMM

MALAYSIA MADANI @dsaaminuddinharun

Bajet 2024: Negeri Sembilan tawar 58 inisiatif berjumlah RM231.48 juta

FAIZ ABDULLAH

ASPIRASI Perpaduan Negeri Sembilan menawarkan 58 inisiatif berjumlah RM231.48 juta kepada rakyat Negeri Sembilan dalam Belanjawan Tahun 2024 yang bertema 'Bersama Membina Negeri MADANI'.

Aspirasi Perpaduan merangkumi 50 inisiatif dengan memfokuskan kepada sembilan teras dengan peruntukan RM201.73 juta; manakala lapan inisiatif lagi diperkenalkan menerusi Skim Sejahtera Rakyat (SSR) dengan peruntukan RM29.75 juta.

Sembilan Teras Belanjawan

- 1** Ekonomi, pelaburan dan infrastruktur - RM22.75 juta.
- 2** Pendidikan dan modal insan - RM11.80 juta.
- 3** Pendidikan dan modal insan - RM11.80 juta.
- 4** Belia, wanita, keluarga, sukan dan keusahawanan - RM10.20 juta.
- 5** Tanah dan perumahan - RM11.91 juta.
- 6** Pertanian - RM22.75 juta.
- 7** Pelancongan dan alam sekitar - RM13.14 juta.
- 8** Agama, adat budaya dan masyarakat Orang Asli - RM32.76 juta.
- 9** Perkhidmatan Awam - RM28.05 juta.

8 Tawaran Skim Sejahtera Rakyat

- 1 BAYI DAN KANAK-KANAK (RM1.60 JUTA)**
Caruman (one off) Skim Simpanan Pendidikan Nasional RM100 seorang kelahiran baharu anak-anak Negeri Sembilan.
- 2 PELAJAR SEKOLAH (RM0.15 JUTA)**
Bantuan kemasukan ke sekolah berasrama penuh sebanyak RM300 kepada pelajar yang layak.
- 3 SISWAZAH (RM2.50 JUTA)**
RM5,000 Anugerah Khas menamatkan pengajian dengan keputusan ijazah Kelas Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam.
- 4 SISWA (RM4.50 JUTA)**
Bantuan khas kemasukan ke IPTA sebanyak RM1,000 (Ijazah Sarjana Muda), RM750 (Diploma) dan RM500 (Sijil).
- 5 BELIA (RM5.00 JUTA)**
Bantuan perkahwinan RM500 anak negeri yang mendirikan rumah tangga kali pertama.
- 6 IBU TUNGGAL (RM1.00 JUTA)**
Sumbangan Keceriaan tahunan (one-off) RM200 kepada ibu tunggal senarai e-Kasih.
- 7 WARGA EMAS BERUMUR 70**
Sumbangan Keceriaan (one-off) RM200 kepada pemohon yang merupakan pengundi berdaftar di Negeri Sembilan yang berpendapatan tidak melebihi RM3,000.
- 8 PENGURANGAN KOS SARA**
Bantuan 'Food Bank' untuk keluarga termiskin di dalam sistem e-Kasih.



Bantuan perkahwinan RM500 untuk anak Negeri Sembilan

SEREMBAN: Anak-anak Negeri Sembilan yang pertama kali mendirikan rumah tangga bakal menerima bantuan RM500 daripada Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan.

Menteri Besar, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun dalam pembentangan Belanjawan 2024 Negeri Sembilan (Bajet 2024) mengumumkan insentif tersebut.

"Golongan muda yang ingin melangsungkan perkahwinan buat kali pertama, Kerajaan Negeri memberikan sumbangan RM500 melibatkan jumlah peruntukan RM5 juta.

"Tidak dilupakan golongan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan, yang akan menerima sumbangan RM200 setahun secara 'one-off'.

"Peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan untuk tujuan ini," kata Aminuddin.

Aminuddin turut mengumumkan sumbangan keceriaan kepada warga emas berumur 70 tahun ke atas sebanyak RM200 setahun secara 'one-off' membabitkan peruntukan RM14.80 juta.

Aminuddin berkata demikian semasa Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2024 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Belanjawan Negeri Sembilan 2024 bertema 'Bersama Membina Negeri MADANI'.

Bonus sebulan setengah gaji atau minima RM2,500 bagi penjawat awam

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun mengumumkan Bantuan Khas Kewangan sebanyak satu bulan setengah gaji atau minimum RM2,500 kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Pemberian Bantuan Khas Kewangan ini sebagai tanda penghargaan di atas kecemerlangan perkhidmatan mereka.

"Bayaran akan dibuat sebanyak dua kali iaitu pada penghujung Februari 2024 sebagai persediaan persekolahan dan penghujung Mac 2024 menjelang Hari Raya Aidilfitri.

"Adalah diharapkan bantuan khas ini menyuntik semangat semua penjawat awam untuk



bekerja dengan lebih gigih lagi," katanya.

Aminuddin mengumumkan demikian semasa Pembentangan Belanjawan Negeri Sembilan 2024 di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

RM22.75 juta untuk peningkatan keterjaminan makanan



SEREMBAN: Exco (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan memperuntukkan sebanyak RM22.75

juta dalam Belanjawan 2024 untuk sektor pertanian (Teras 6).

“Alhamdulillah YAB Menteri Besar Negeri Sembilan telah membentangkan satu belanjawan berjumlah RM555 juta untuk rakyat Negeri

Sembilan.

“Ini merupakan belanjawan pertama untuk Kerajaan Perpaduan hasil daripada mandat dan impian rakyat bagi melihat sebuah penguasa negeri yang stabil dan makmur.

“Peningkatan sebanyak 7.69 peratus untuk anggaran perbelanjaan pembangunan mencerminkan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan mahu membina arah menjadi sebuah negeri ‘2nd Klang Valley In The Making’.

“Namun, Kerajaan Negeri Sembilan tidak meminggirkan sektor pertanian dan keterjaminan makanan,” katanya yang juga ADUN Pertang.

Jalaluddin berkata, beliau ingin mengucapkan terima kasih di atas komitmen YAB Menteri Besar kerana memperuntukkan RM5.25 juta khusus untuk agenda peningkatan hasil sayuran, buah-buahan, tana-

man ladang dan industri asas tani.

“Agenda peningkatan kualiti dan pengembangan veterinar serta pengeluaran ternakan dan genetik ternakan juga tidak dikesampingkan dan sejumlah RM4.43 juta diperuntukkan untuk tujuan ini.

“Sejumlah RM2.50 juta diperuntukkan untuk transformasi kaedah pertanian.

“Selain itu bagi mengurus isu kos sara hidup rakyat, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM3 juta untuk Program Jualan Agro Madani dan RM7.57 juta untuk pelbagai keperluan pembangunan sektor pertanian,” jelas beliau lagi.

Justeru itu, Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelevu, mengajak semua rakyat Negeri Sembilan untuk sama-sama memberi sokongan kepada Belanjawan 2024 bagi membina sebuah Negeri MADANI.

Kerajaan ambil langkah proaktif atasi banjir



akan digantikan bagi memastikan aliran air tidak terganggu dan pembinaan ban akan dibina di kawasan lebih rendah,” kata Aminuddin.

Menurut Aminuddin lagi, Kerajaan Negeri melalui JPS Daerah Kuala Pilah telah mengenal pasti antara punca kejadian banjir di Daerah Kuala Pilah disebabkan hujan yang turun sangat lebat melebihi 60mm/jam yang menye-

babkan berlakunya kejadian banjir di rumah yang dibina di kawasan rendah atau dataran banjir berhampiran sungai.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Juasseh, YB Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid (BN) di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Bibi Sharliza bertanya, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir bagi kampung-kampung tradisi khususnya di DUN Juasseh.

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, penyelenggaraan sungai yang lebih kerap akan dilaksanakan untuk memastikan aliran air sungai tidak menghadapi apa-apa halangan.

“Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan RM200,000 di 10 buah lokasi secara lantikan terus oleh Pejabat Kewangan Negeri bagi tujuan ini.

“Jabatan Pengairan dan Sali-

ran (JPS) telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai serta kolam bagi memastikan aliran air tidak terganggu serta memastikan agar kolam dapat menampung aliran air sebelum disalurkan ke sungai.

“Program timbal balik pasir yang sedang dilaksanakan di Sungai Muar juga dilihat dapat mengurangkan risiko limpahan air sungai ketika hujan lebat berlaku.

“Bagi perancangan jangka panjang, JPS akan memastikan ‘crossing culvert’ yang telah dibina tetapi tidak mengikut saiz,

babkan berlakunya kejadian banjir di rumah yang dibina di kawasan rendah atau dataran banjir berhampiran sungai.

“Pembinaan rumah kampung tradisi yang dibina atas tanah persendirian hendaklah dirujuk dengan agensi teknikal yang berkaitan adalah bagi memastikan rumah tidak dibina di kawasan aras banjir.

“Kejadian banjir juga disebabkan terdapat ‘crossing culvert’ yang dibina merentangi sistem perparitan atau anak sungai yang tidak mengikut kelebaran parit atau anak sungai menyebabkan berlakunya ‘bottle neck’

Bantuan Anak Sekolah diteruskan

SEREMBAN: Bantuan Anak Sekolah (BAS) diteruskan lagi dalam Belanjawan 2024.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Aminuddin Harun berkata, bantuan tersebut akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM900 ribu.

“Manakala, RM800 ribu pula diperuntukkan bagi pelajar sekolah menengah di bawah inisiatif Biasiswa Anak Negeri.

“Dalam pada itu, program Fast-Track Lepas Tahfiz juga diteruskan untuk tahun ketiga berturut-turut dengan peruntukan sebanyak RM500 ribu.

“Selain itu, satu program pembinaan karakter bangsa akan diperkenalkan dengan peruntukan RM500 ribu.

“Ia adalah bertujuan menambah nilai dan kualiti golongan belia,” kata Aminuddin.

Saya tidak akan bertolak ansur kepada amalan negatif di kalangan kakitangan awam : YB Dato'Zafir



SEREMBAN: Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim menegaskan bahawa beliau tidak akan bertolak-ansur dengan amalan negatif penjawat awam di negeri ini.

"Amalan negatif seperti lambat membuat keputusan, terlibat dengan korupsi apatah lagi mengulangi kesilapan yang sama tidak akan menerima tolak ansur daripada saya.

"Saya bersedia melaksanakan perubahan kepada

mana-mana individu atau agensi yang gagal memelihara imej Kerajaan Negeri.

"Saya juga telah diberi amanah oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama, Aminuddin Harun untuk membawa perubahan kepada perkhidmatan awam di Negeri Sembilan.

"Sebagai penjawat awam, kita perlu melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada kita serta mematuhi dengan penuh integriti,"kata Mohd Zafir.

Kerajaan Negeri laksana waktu kerja anjal



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan akan melaksanakan waktu kerja anjal.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, waktu kerja anjal ini sudah tentu dapat membantu meningkatkan lagi motivasi penjawat awam di Negeri Sembilan.

"Selain itu, secara tidak langsung dapat memberikan motivasi kepada mereka.

"Hal ini kerana ia dapat mengurangkan kes-

esakan jalan raya dan terdapat antara mereka yang ingin mengambil anak di sekolah.

"Waktu kerja anjal ini akan dimulakan pada 15 Januari 2024.

"Dalam pada itu, saya berharap agar waktu kerja anjal ini tidak disalah gunakan oleh penjawat awam.

"Sekiranya terdapat sebarang salah laku waktu kerja anjal ini, ia akan ditarik semula," kata Aminuddin.

Kerajaan Negeri Sembilan setuju pekerja PBT dipinjamkan ke PBT lain



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju untuk mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk meminjamkan pekerja sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari satu daerah ke daerah yang lain.

"Pihak PBT boleh berbincang sesama mereka bagi memilih pekerja yang diperlukan di tempat mereka," kata Aminuddingi membantu PBT

yang kekurangan tenaga pekerja.

"Di samping itu, ia juga mampu mengembangkan karier serta pengalaman kepada pekerja tersebut.

"Tempoh maksimum pinjaman pekerja ini boleh dilakukan sehingga tiga tahun.

"Pihak PBT boleh berbincang sesama mereka bagi memilih pekerja yang diperlukan di tempat mereka," kata Aminuddin.

SPRM diberi kuasa penuh



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan amat mengambil berat terhadap sebarang salah laku atau korupsi dalam kalangan penjawat awam.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, kita tidak mahu penjawat awam yang ada tidak melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.

"Kita boleh lihat beberapa isu yang telah diselesaikan seperti kecurian REE dan juga membatalkan

beberapa permit pasir kerana melanggar peraturan yang ditetapkan.

"Hal ini kerana kita tidak ingin melihat sebarang ketirisan dalam hasil negeri.

"Selain itu, kita juga mengalu-alukan pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) untuk lakukan siasatan terhadap mana-mana penjawat awam di Negeri Sembilan yang terlibat dengan isu rasuah atau korupsi," tegas Aminuddin.

Hukum 'jerung', usaha perangi rasuah agar tidak berulang



REMAU: Kerajaan sedang sedaya upaya menoktahkan budaya mengizinkan kuasa dan sistem pemerintahan dijadikan kesempatan memungkah kekayaan untuk tokoh-tokoh tertentu.

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, usaha memerangi rasuah perlu bermula dengan menghukum jerung-jerung sebagai satu pengajaran supaya hal ini tidak lagi berulang, ketimbang sekadar memenjarakan watak-watak kecil yang akhirnya hanya menjadi gimik dan sandiwara.

"Namun pasti usaha ini akan diselubungi kontroversi.

"Tentunya seseorang yang punya kekayaan berpuluh bilion tidak akan berdiam diri apabila disiasat dan akan menggunakan segala pengaruhnya untuk melaw

wan.

"Tetapi jika kita berhenti bertindak kerana pengaruhnya, maka tidak layak kita menjadi pemimpin yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga negara.

"Risiko perlu dihadapi kerana utamanya adalah negara mesti diselamatkan," kata Anwar.

Justeru itu, Anwar berkata beliau memohon dukungan rakyat untuk bersama-sama berpegang pada prinsip ini.

"Moga usaha ini membersihkan negara daripada amalan bobrok, sekali gus mengangkat martabat Malaysia," ujarnya.

Anwar berkata demikian di Program Penggerak MADANI Negeri Sembilan di Kem Wawasan Negara Ulu Sepri seraya diapit Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama

Aminuddin Harun.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan betapa negara ini memerlukan satu anjakan yang ketara menerusi dasar-dasar yang digariskan di bawah gagasan MADANI untuk kita memperbetulkan kebobrokan sistem pentadbiran yang berlaku sejak sekian lama.

"MADANI menekankan soal ihsan, akhlak, kemanusiaan dan keadilan bagi merawat keterhakis nilai-nilai ini akibat kemajuan material sehinggakan kita sanggup membiarkan pimpinan yang rasuah terus bermaharajalela sejak sekian lama.

"Anjakan ini perlu bermula dengan membina semula tatakelola yang baik serta semangat menolak rasuah," kata beliau lagi.

Kerajaan Negeri komited tingkatkan kelajuan internet di Negeri Sembilan

KUALA LUMPUR: Kerajaan Negeri Sembilan komited untuk meningkatkan kelajuan internet di negeri ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, oleh itu satu kolaborasi strategik telah diadakan bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) dan Digital Nasional Berhad (DNB).

"Pada fasa permulaan

bagi pelaksanaan rangkaian 5G di Negeri Sembilan telah bermula sejak 2022 lagi.

"Dalam tempoh itu, sebanyak 225 tapak 5G telah berjaya dibangunkan yang meliputi Port Dickson, Seremban dan beberapa daerah lain.

"Ini merupakan bukti komitmen Kerajaan Negeri Sembilan tidak tertinggal dalam mendapatkan peng-

gunaan teknologi terkini kepada rakyat dan pihak berkepentingan.

"Dalam pada itu, penyediaan jalur lebar di kawasan berpenduduk di Negeri Sembilan juga sedang dipergiatkan melalui pelan JENDELA oleh MCMC," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Lawatan Kerja ke MY5G Portal di Tun Razak Exchange.

Ketua jabatan diingatkan tegas bendung rasuah



TAMPIN: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun mengingatkan semua ketua-ketua jabatan di peringkat daerah tegas membendung gejala rasuah.

"Kita tidak boleh menerima sebarang sogokan kerana dia sahabat kita atau saudara-mara kita.

"Ketika menerima habuan memang seronok, tetapi apabila berlaku tangkapan, menyesal tidak berguna. Ingatlah kepada anak-anak dan isteri kita di rumah.

"Nasi yang disuapkan ke mulut-mulut mereka itu perlulah yang bersih.

"Jika ia dari hasil rasuah, jelas kita memasukkan benda yang haram ke dalam mulut insan-insan yang kita sayangi," katanya di Majlis Perhimpunan Peringkat Daerah Tampin bagi tahun 2024 di Dewan Perdana Tampin.

Aminuddin berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diberi kuasa penuh untuk masuk ke semua jabatan-jabatan kerajaan.

"Ini membuktikan kerajaan hari ini serius membenters rasuah.

"Saya ingin bertanya kepada anda semua, ketika SPRM datang ke pejabat kita dan tangkapan dibuat, apakah perasaan dan fikiran kita ketika itu? Lebih-lebih lagi yang ditangkap.

"Jika ketika itu baru kita hendak menyesal, ianya sudah tidak berguna lagi.

"Oleh yang demikian, saya begitu serius berkaitan soal integriti," ujar beliau lagi.

Aminuddin menambah, usaha Perdana Menteri menekankan tatakelola yang baik, memberi kebebasan penuh kepada SPRM untuk melaksanakan tugas tanpa mengira siapa adalah dua faktor utama yang akan menaikkan ranking Malaysia dalam persepsi rasuah.

"Selama ini kita hanya dengar pegawai bawahan yang terlibat rasuah dan penyelewengan. Tetapi suasana hari ini telah berbeza.

"Orang kenamaan juga telah mula disiasat dan didakwa.

"Tiada siapa yang boleh mendabik dada mereka kebal dari tindakan undang-undang, lebih-lebih kesalahan yang melibatkan rasuah dan salah guna kuasa," kata Aminuddin.

Syarat permohonan lesen penjaja diperketat, kekang warga asing berniaga



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan akan mengenakan syarat tambahan yang lebih ketat kepada semua pemohon dan pembaharuan lesen perniagaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai langkah membendung salah guna lesen mem-babitkan warga asing.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, J.Arul Kumar berkata, PBT tidak pernah membenarkan mana-mana warga asing untuk memohon atau memiliki lesen premis perniagaan.

"Bagaimanapun terdapat beberapa kes mem-babitkan lesen yang dikeluarkan

kepada warga tempatan telah disalah guna oleh segelintir peniaga berke-niaan.

"Mereka tidak bertanggungjawab dan mem-benarkan atau menyewa lesen tersebut kepada warga asing bagi menjalankan operasi perniagaan.

"Justreru itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan syarat tambahan ke atas lesen perniagaan bagi sektor peruncitan dan per-dagangan yang melibatkan warga asing," katanya.

Dalam pada itu, Arul Kumar juga mengumumkan beberapa jenis lesen perniagaan yang tidak dibenarkan untuk menggaji peker-

ja warga asing iaitu pusat siber, pasar malam, Bazar Ramadhan, Pasar Tani, ek-spo, kiosk makanan dan apa-apa kiosk lain.

"Pembatalan lesen akan dibuat serta merta sekiranya berlaku pelanggaran pada syarat lesen ini walaupun sebelum tamat tempoh sahnya.

"Mereka dibenarkan membuat rayuan selepas disenarai hitam selama se-tahun.

"Syarat tambahan ini akan digunapakai semasa pembaharuan lesen bermula tahun 2024," jelas Arul Kumar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nilai.

Syarat permohonan lesen penjaja


- 1) Setiap pemohon lesen perlu mendaftar/ mendapatkan nombor fail Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terlebih dahulu dan mengemukakannya kepada PBT bagi membolehkan permohonan lesennya diproses.
- 2) Bagi setiap satu premis perniagaan hanya akan diluluskan satu jenis lesen perniagaan sahaja.
- 3) Pemilik lesen atau wakil (warga tempatan) perlu berada di premis dalam setiap masa operasi perniagaan.
- 4) Warga asing tidak dibenarkan bertugas di kaunter kewangan (cashier).
- 5) Semua pekerja warga asing (maksimum dua pekerja) wajib mempunyai permit yang sah daripada pihak berkuasa berkaitan.
- 6) Hanya pekerja warga asing yang diluluskan permit bekerja di sektor peruncitan dan per-dagangan sekitar Negeri Sembilan dibenarkan bekerja di premis perniagaan tersebut.
- 7) Pekerja warga asing yang telah diluluskan permit bekerja dengan majikan berkenaan sahaja dibenarkan bekerja di premis tersebut.
- 8) Pemilik lesen perlu sentiasa mengemas-kini senarai daftar pekerja warga asing yang mengandungi maklumat nama penuh, nombor kad pengenalan/pasport, kerakyatan alamat tempat tinggal, nombor telefon, ke-layakan, gambar dan lain-lain butiran ber-kaitan pekerja.



Bantuan Warga Emas

RM200

Sumbangan keceriaan tahunan warga emas berumur 70 tahun ke atas.



Stesen baharu kereta api Seremban Sentral bernilai **RM170 juta** bakal jadi nadi pembangunan



SEREMBAN: Stesen baharu kereta api Seremban Sentral bernilai kira-kira RM170 juta bakal siap dalam tempoh dua tahun.

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook berkata, kabinet juga meluluskan projek naik taraf sembilan stesen di Lembah Kelang dengan kos RM110 juta.

"Rekaan stesen ini menggunakan kaca, reka bentuk

moden dan mengambil kira pelepasan karbon sifar bersih (net-zero emissions).

"Pada waktu siang dapat menjimatkan elektrik kerana menggunakan cahaya matahari dan tenaga itu boleh dikitar semula.

"Seremban Sentral masih mengekalkan 'facade' (bahagian depan) stesen lama atas dasar memelihara nilai warisan dan sejarah yang terdapat

di bangunan tersebut dengan kerja naik taraf dipantau Jabatan Warisan Negara.

"Apabila siap nanti, stesen ini akan dikelilingi dengan rumah mampu milik, pejabat, hotel, pusat komersial dan institusi pendidikan dengan nilai pembangunan kasar dianggarkan RM1.4 bilion yang mampu menjadi nadi kepada pembangunan bandar Seremban," kata Loke.

Aminuddin rasmi kilang konkrit ketiga di Negeri Sembilan



SENDAYAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun telah merasmikan kilang ketiga Kilang Bancuh Konkrit UPC di Negeri Sembilan.

Aminuddin berkata, pembukaan kilang tersebut adalah penting bagi membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi negara bagi memenuhi permintaan konkrit di Malaysia.

"Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa mengalu-alukan kedatangan pelabur daripada dalam dan luar negara untuk melabur di negeri ini.

"Usaha ini juga dapat dilihat dalam Belanjawan Negeri 2024 yang dibentangkan Disember lalu untuk memacu pertumbuhan ekonomi di negeri ini menjadi lebih inklusif buat seluruh lapisan masyarakat.

Kilang pembuatan kereta elektrik 'Green Technology' pertama bakal dibuka di Negeri Sembilan



CHEMBONG: Negeri Sembilan bakal memiliki sebuah kilang pembuatan kereta elektrik 'Green Technology' pertama dalam negara.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, kilang tersebut dibangunkan oleh syarikat Careplus dengan kerjasama

ma GoAuto dan NexC Manufacturing Sdn Bhd.

"Kilang tersebut dibangunkan di atas tanah seluas 73.34 ekar.

"Kita juga dapat lihat sejarah hari ini dalam industri kenderaan elektrik di negara kita.

"Apabila fasa pertama ini siap ia mampu mem-

beri sebanyak 600 peluang pekerjaan.

"Saya juga telah dimaklumkan bahawa Careplus dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Rembau telah mengadakan kerjasama bagi memastikan peluang kepada pelajar TVET untuk menceburi bidang ini.

"Dalam masa sama, pembinaan kilang ini juga sudah tentu dapat membantu merencanakan lagi ekonomi tempatan," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Perasmian Pecah Tanah Pembinaan Kilang Pembuatan dan Pemasangan Berteknologi Hijau Pertama di Malaysia.

Pelabur yakin dengan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan

FAIZ ABDULLAH

bilion.

WALAUPUN data rasmi belum dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau MIDA (Malaysian Investment Development Authority) yang dijangka sekitar bulan Mac atau April tahun ini; tetapi Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan terus mencatatkan angka pelaburan yang sangat mem-berangsangkan.

Untuk rekod Negeri Sembilan mencipta pencapaian tertinggi dalam sejarah iaitu jumlah pelaburan sebanyak RM8.9 bilion pada tahun 2022.

Trend itu berterusan apabila sejak tahun 2023 hingga 23 Januari 2024, jumlah pelaburan yang direkodkan di Negeri Sembilan dianggarkan sebanyak RM5.6

Angka besar ini dicapai dengan beberapa projek pelaburan berskala besar seperti Techpark@Enstek Fasa 1 dan Fasa 2 (RM4 bilion), kilang kereta EV di Chembong (RM840 juta), kilang Safran di Sendayan (RM750 juta), kilang Spectrum Materials di Sendayan (RM10 juta) dan kilang bancuh konkrit UPC di Sendayan (RM5 juta).

Ini jelas menunjukkan keyakinan pelabur ke atas Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan pimpinan YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun dan barisan Ex-conya.

Adalah dijangka momentum ini akan berterusan pada tahun 2024 apabila lebih banyak syarikat akan melabur di Negeri Sembilan.

Projek KVDT 2 bakal pendekkan masa perjalanan komuter Seremban - KL

SEREMBAN: Projek naik taraf Landasan Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 (KVDT2) bakal memendekkan masa perjalanan komuter dari Seremban ke Kuala Lumpur (KL) apabila dijangka siap pada penghujung tahun 2025.

Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, YB J.Arul Kumar berkata, pelaksanaan projek ini dapat meningkatkan mutu dan keselamatan perkhidmatan kereta api terutama untuk kereta api komuter.

"Buat masa ini perkhidmatan Komuter dari Seremban ke KL mengambil masa melebihi satu jam 15 minit.

"Dengan pelaksanaan projek ini tempoh masa tersebut dapat dipendekkan kepada tidak melebihi satu jam dan ia juga dapat membantu meningkatkan kekerapan dan mengurangkan masa menunggu.

"Ia juga sekaligus dapat menjimatkan masa yang dihabiskan di atas jalan akibat kesesakan lalu lintas yang berlaku setiap hari di Lembah



Kelang, kata Arul Kumar.

Arul Kumar berkata demikian kepada Negeri Kita selepas beliau dan Menteri Besar, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun menerima kun-

jungan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Dato' Jana Santhiran Muniayan dan barisan pengarah syarikat DMIA-LTAT di Wisma Negeri.

Arul Kumar berkata, MOT dan syarikat DMIA-LTAT sedang melaksanakan projek KVDT 2 di Negeri Sembilan termasuk menaik taraf dan membina semula beberapa stesen KTM.

"Projek KVDT2 melibatkan penggantian landasan kereta api berusia 25 tahun dengan landasan baharu, menaik taraf dan menyelenggara sistem elektrik, komunikasi dan menambah baik stesen-stesen kereta api terbabit melibatkan landasan dari Salak Selatan ke Seremban.

"Projek itu penting kerana terdapat beberapa lokasi di jajaran KVDT2 yang kerap mengalami banjir, sekali gus menjadi faktor kepada kejadian kegelinciran kereta api.

"Saya juga berharap projek KVDT2 dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan dan dengan menawarkan perkhidmatan keretapi yang berkualiti dan lebih ramai penduduk di Seremban dapat menggunakan perkhidmatan keretapi ke Lembah Kelang setiap hari," jelas beliau.

Kilang pengeluar 'Electronic Special Gases' pertama di Malaysia dibuka di Negeri Sembilan



SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah merasmikan kilang menghasilkan 'Electronic Special Gases' yang pertama di Malaysia iaitu Spectrum Materials di Sendayan Techvalley.

"Kilang seluas 12,141 meter persegi ini merupakan kilang pembuatan produk khusus untuk menyokong industri pengeluaran cip komputer dan elektronik.

"Produk yang akan dihasilkan di fasiliti ini merupakan elemen penting dalam pembuatan cip komputer iaitu 'Ultra High Purity Electronics Materials' seperti 'Electronic Special Gases' yang berfungsi sebagai bahan termaju

dalam pembuatan cip elektronik tersebut," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata, beliau difahamkan produk Spectrum Materials akan dieksport sepenuhnya ke luar negara.

"Kerajaan Negeri yakin dengan adanya Spectrum Materials beroperasi di negeri ini, ia mampu menarik lebih banyak pemain industri berasaskan semikonduktor dan elektronik ke negeri ini.

"Sebagai pembekal bahan termaju dalam industri tersebut, rantai bekalan bagi semua industri berkaitan seperti peralatan elektronik rumah, kenderaan dan komputer riba akan berkembang lebih pesat dan kukuh," Katanya.

TECHPARK@ENSTEK: RM420 juta lagi pelaburan dibawa masuk

SEREMBAN: Sebanyak RM420 juta lagi pelaburan dibawa masuk ke dalam Negeri Sembilan untuk bertapak di TechPark@Enstek, Bandar Enstek.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, pelaburan tersebut dibawa masuk oleh TH Properties Sdn. Bhd. yang terdiri daripada empat syarikat baru iaitu Educ8 Group, Gobuilders Netsoft, Malindo Airways dan Meta Legends.

"Kemasukan pelaburan yang baru ini juga dijangka dapat membuka sebanyak 2,000 peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

"Ini menunjukkan bahawa TechPark@Enstek terus menjadi kawasan perhatian kepada para pelabur kerana awal tahun ini sebanyak RM4 billion pelaburan telah dibawa masuk.

"Bagi pelaburan baru ini ia akan



merangkumi beberapa sektor iaitu logistik, penyimpanan dan pembelajaran.

"Kemasukan pelabur-pelabur baru ini juga dapat menyumbang kepada hasil negeri dan sejajar dengan sasaran Kerajaan Negeri melalui

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025 untuk pertumbuhan KDNK mencapai 4.5 peratus," kata Aminuddin.

Aminuddin turut tambah, keberadaan Bandar Enstek di dalam Wilayah Lembah Wawasan Malaysia (MVV) 2.0 memberikan impak kepada limpahan kemakmuran ekonomi.

"Perkembangan ini mampu membantu untuk memangkin kemampanan ekonomi dan kemakmuran jangka panjang secara keseluruhannya melalui aktiviti-aktiviti yang memanfaatkan sumber tempatan, perkasa infrastruktur dan pelbagai lagi," ujar beliau.

Kementerian Pendidikan lancar Dasar Pendidikan Digital



BANGI: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) dalam usaha melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing membabitkan golongan pelajar dan guru.

Menteri Pendidikan, YB

Fadhlina Sidek berkata, dasar itu menggariskan empat objektif dalam usaha KPM untuk membangunkan pelajar fasih digital untuk memenuhi keperluan era digital dan mengupayakan pendidikan; manakala bagi guru untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem

pendidikan.

“Pembangunan pendidikan digital negara berkait rapat dengan perkembangan teknologi digital pada peringkat global dan nasional.

“Ia memberikan cabaran baharu kepada sektor pendidikan untuk melakukan

perubahan seiring dengan transformasi teknologi digital bagi meningkatkan daya saing dan kemajuan landskap pendidikan negara.

“DPD bermatlamat untuk melahirkan murid fasih digital yang berdaya saing menerusi peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai.

“Dasar ini dibangunkan secara bersepadu serta menyeluruh meliputi aspek pendidik dan pemimpin pendidikan, penyediaan infostruktur dan infrastruktur, kandungan yang berkualiti, dan penyertaan aktif rakan strategik,” kata Fadhlina.

Majlis Peluncuran DPD telah disempurnakan oleh Fadhlina dan turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pendidikan, YB Lim Hui Ying dan pegawai tertinggi KPM.

Lebih RM10 juta diperuntukkan setiap tahun untuk pendidikan

SEREMBAN: Lebih RM10 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan bagi sektor pendidikan di negeri ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Utama Aminuddin Harun berkata, peruntukkan tersebut adalah berdasarkan pelbagai inisiatif yang dilakukan.

“Antara inisiatif tersebut adalah Bantuan Anak Sekolah (BAS), Bantuan Biasiswa Anak Neger (BAN), Menyambung Pengajian ke Institut Pengajian Tinggi (IPT), Bantuan Sara Hidup Siswa (BSH) dan Bantuan Komputer Riba untuk mahasiswa.

“Kesemua bantuan ini diberikan terus kepada mereka yang kurang berkemampuan.

Inisiatif yang disediakan ini adalah sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan pendidikan di negeri ini,” kata Aminuddin.

Program Silang Budaya catat *Malaysian Book Of Record*



NILAI: Program Silang Budaya yang dianjurkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Nilai Impian mencatat sejarah dalam Malaysian Book Of Record.

Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek berkata, ia adalah satu tanda bahawa usaha untuk kita memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan murid.

“Program yang mendukung semangat perpaduan ini juga merupakan kali pertama diadakan di negara kita.

“Ia juga amat bertepatan dengan gagasan Malaysia MADANI.

“Saya yakin program ini bakal menjadi ikutan dan contoh oleh negeri lain untuk menganjurkan program sebegini rupa.

“Tahniah kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato’ Seri Utama Aminuddin Harun, Kerajaan Negeri serta Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan kerana menganjurkan program sebegini,” kata Fadhlina.



152 siswazah **cemerlang** terima **sumbangan** RM760,000 dari Kerajaan Negeri Sembilan



SEREMBAN: Seramai 152 orang Siswazah Cemerlang Kelas Pertama menerima RM5,000 setiap seorang daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

148 graduan adalah penerima Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), manakala empat orang lagi dari institusi pengajian tinggi luar negara (United Kingdom).

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri

Aminuddin Harun, menyatakan sumbangan tersebut sebagai penghargaan dan pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang anak-anak negeri dalam pengajian tinggi.

"Aktivis hak asasi kulit hitam Amerika Malcolm X atau Haji Abdul Malik el-Shabbaz, pernah berkata, "Education is the passport to the future, for tomorrow belongs to those who prepare for it today".

"Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa percaya pada agenda pendidikan sebagai

agenda utama untuk mendedahkan anak bangsa dan mempersiapkan mereka menghadapi cabaran masa depan," kata Aminuddin.

Dalam Belanjawan 2024, Negeri Sembilan memperuntukkan RM11.8 juta di bawah Teras Pendidikan dan Modal Insan. Aminuddin menekankan bahawa Yayasan Negeri Sembilan menyediakan pinjaman pendidikan untuk siswazah yang ingin menyambung pengajian hingga peringkat Sarjana dan PhD.

"Sekiranya ada pelajar yang dalam proses menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, datanglah ke Yayasan Negeri Sembilan agar mereka dapat membantu anda," kata Aminuddin.

Beliau berkata dalam Majlis Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan (Sesi Pertama Tahun 2024) di D'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan.

Kebajikan Guru Kafa sentiasa diberi perhatian



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa mengambil berat dan menjaga kebajikan Guru Kafa termasuk kenaikan elaun.

Menteri Besar, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun, menyatakan inisiatif Kerajaan termasuk penambahan elaun RM50 untuk Guru Kafa Tulen sejak 2019 dan peningkatan Elaun Tanggungjawab Guru Besar Sekolah Kebangsaan sebanyak RM100.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) juga setuju menambah elaun RM100 bagi Guru Kafa Tulen mulai Julai 2023.

"Selain itu, Guru Kafa Tulen di Negeri Sembilan turut diberikan sumbangan Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 sempena Hari Raya setiap tahun bermula tahun 2010," Aminuddin berkata, kenyataan tersebut dalam Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama

ma DUN Negeri Sembilan Yang Ke-15.

Aminuddin berkata, Kerajaan Persekutuan juga telah menaikkan elaun Guru Kafa sebanyak RM100 bermula Januari 2023 melalui Belanjawan Malaysia Madani 2023.

"Kerajaan Persekutuan juga menaikkan sumbangan tahunan kepada Guru Kafa kepada RM600 pada 2023 (daripada RM500 pada 2022) dan merancang untuk memberikan RM700 mengikut Belanjawan Malaysia Madani 2024 melalui JAKIM," jelas Aminuddin.

Ini menjadikan elaun keseluruhan Guru Kafa Tulen Negeri Sembilan sebanyak RM1,420.05, dengan masa mengajar 36 jam sebulan termasuk caruman KWSP dan Socso. Bantuan kewangan tahunan tidak termasuk dalam jumlah ini.

Kenali YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

Nama: YB Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim

Tempat Lahir: Tampin, Negeri Sembilan

Sekolah: Kebangsaan Tampin dan Sekolah Kebangsaan Ampangan, Seremban

Beliau seterusnya meneruskan pengajian menengah di SMKA Sheikh Haji Mohd Said, Seremban dan Kolej Islam Klang, Selangor.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dato' Mohd Zafir memulakan karier dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD)



pada tahun 1994 serta berpengalaman luas di bidang kewangan, perolehan, pengurusan sumber manusia, komunikasi, negosiasi dan protokol Kerajaan menerusi perkhidmatannya di pelbagai Kementerian dan Agensi Persekutuan antaranya di Kementerian Kewangan; Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Perkhidmatan Awam; Mahkamah Perse-

kutuan; Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Kementerian Penerangan.

Selain itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP); Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI); PERKESO; Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan yang ke-29 pada 6 Jun 2023 selain turut dilantik sebagai ALP di agensi/syarikat negeri seperti MAINS, PKNNS, SAINS dan sebagainya.

Guru perlu cakna masalah dihadapi murid



SEREMBAN: Guru yang merupakan warga pendidik perlu cakna terhadap permasalahan yang dihadapi oleh murid.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, hal ini supaya dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan pendidikan di sekolah.

"Dalam masa sama, pihak pengurusan sekolah dan juga guru perlu merencanakan tindakan segera yang boleh diambil untuk membantu murid.

"Mereka juga perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka," kata Aminuddin.

Memodenkan industri pertanian melalui Banci Pertanian 2024

RAMAI yang tahu bahawa salah satu punca Malaysia terdedah kepada risiko kenaikan harga makanan mendadak ialah kerana industri pertanian berkaitan makanan bukanlah aktiviti besar dalam ekonomi negara.

Memang betul kita ada sumbangan yang besar kepada ekonomi dari sektor pertanian, tetapi ia lebih kepada industri perladangan besar-besaran untuk kelapa sawit.

Jadi apa kena mengena tugas Kementerian Ekonomi dengan industri pertanian moden? Kementerian Ekonomi adalah perancang dan penyelarasa kepada semua kementerian dan agensi dalam perkara-perkara yang bersabit ekonomi.

Hala tuju pertanian negara adalah kunci untuk memperbaiki beberapa kekangan utama dalam ekonomi, seperti import makanan yang tinggi, kenaikan harga makanan dan pengwujudan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar untuk menghidupkan ekonomi luar bandar.

Usaha memodenkan industri pertanian ke arah kestabilan penawaran dan permintaan serta keterjaminan makanan

banyak pula bergantung kepada guna tanah bagi tujuan pertanian, serta kemampuan negara menggerakkan lebih banyak guna tenaga ke dalam sektor pertanian.

Semua ini tidak akan berlaku hanya melalui slogan atau arahan dasar. Ia memerlukan data yang lengkap dari seluruh



YB Rafizi Ramli
Menteri Ekonomi

negara - berapa banyak tanah yang digunakan untuk pertanian, tanaman apa yang diusahakan, mutu tanah yang berbeza-beza, topografi bumi, jumlah pekerja, kos untuk menghasilkan produk pertanian dan sebagainya.

Bagi tujuan ini, agensi Kementerian Ekonomi iaitu Jabatan Perangkaan (DOSM) akan memulakan Banci Pert

nian 2024, iaitu usaha pengumpulan data menyeluruh mengenai industri pertanian di seluruh negara.

Banci Pertanian dijalankan oleh pentadbiran terdahulu sebanyak tiga kali sahaja sebelum ini, iaitu semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman (1960), Tun Hussein Onn (1977) dan Tun Abdullah Badawi (2005).

Ia langsung tidak dijalankan semasa pentadbiran Tun Mahathir Mohamad atau Dato' Seri Najib Razak - yang memberi gambaran bagaimana dalam dekad-dekad terdahulu, tumpuan perancangan pertanian tidak menggunakan data yang paling terkini dan tepat.

Saya teruja dengan dapatan Banci Pertanian 2024 ini yang akan membantu perancangan pertanian moden negara untuk 10 tahun akan datang.

Saya tahu ada yang terus melalak mana hasilnya. Insyallah dengan perancangan yang baik, dari data yang lengkap, disusuli dengan pelaksanaan berfokus, akan merungkai masalah keterjaminan makanan dan kestabilan penawaran serta permintaan makanan dari satu tahun ke satu tahun.

Naratif Kira

Meneruskan legasi negeri berkebijakan

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

BANYAK peradaban telah musnah kerana rakus manusia mengikis peluh basah manusia.

Awalnya mungkin nampak hebat, tetapi berubah zalim kerana mereka lupa niat asal menggenggam kuasa.

Asalnya mereka berjanji berbakti kepada rakyat, tetapi selepas naik takhta, rakyat dipijak seperti binatang lagi hina.

Sebut sahaja Rom, Parsi, Aztec, Berlin, Mesir bahkan Langkasuka dan Majapahit, semestinya tersenatap fikiran gambaran kerajaan yang dahulunya gagah, tetapi sekarang hanya artifak yang boleh menjadi bahan kenangan mereka.

Demikianlah hakikat sebuah kerajaan. Tiada yang kekal. Hanya rakyat yang terseksa sahaja perlu bersabar menghadapi penjarah-penjarah mabuk kuasa melempias nafsu di tampuk singgahsana.

Benarlah firman Allah dalam Surah Ali-Imran Ayat 26 yang biasa dibaca selepas pimpinan memang pemilihan mukhtar, mesyuarat agung atau konvensyen parti.

Sekarang tahun 2023. Kita akan masuk tahun 2024. Walaupun kebanyakan negara sedang bersaing siapa yang paling maju dan aman, tetapi saki baki perangan

Rom dan Parsi tetap ada.

Mahu menjajah dan mahu menang perang. Tinggalkanlah mereka di sana. Yang kita mahu Allah beri kemenangan kepada Rakyat Palestin untuk mereka mendapatkan hak mereka semula.

Ketepikan perangai manusia yang hangat-hangat tahi ayam dalam perihalan warga Palestin.



Alhamdulillah, tanggal 1 Disember 2023, Negeri Sembilan telah ada Belanjawan 2024.

Kerajaan akan guna duit rakyat RM555 juta. Kerajaan Negeri lak-

sana amalan Ekonomi Madani.

Rangka Besar belanjawan ini sukar untuk pakcik dan makcik dari Pasisir Besar atau Kampung Mengkan untuk paham. Mudah fahamnya begini, apa yang rakyat akan dapat?

Borang mana lagi yang pakcik dan makcik kena isi untuk dapatkan sampul berisi ringgit? Atau berapa lama kena tunggu dengar celoteh orang politik sebelum ambil gambar terima barang atau sampul?

Negeri ini perlu berubah dan pastinya akan berubah. Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan perlu mulakan dan kita yakin mereka telah mulakan sejak 2018. Salam 'Bersama Membina Negeri Madani'.

Sokongan penjawat awam mampu stabilkan politik negara: Jalaluddin



SEREMBAN: Sokongan penjawat awam terhadap 'Government of the day' mampu menstabilkan politik tanah air.

EXCO (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, beliau berharap para penjawat

awam secara keseluruhannya dapat menyokong 'Government of the day' agar kerajaan mampu menstabilkan politik tanah air.

"Hanya dengan kestabilan politik, kita dapat merealisasikan aspirasi untuk kehidupan rakyat yang lebih baik," katanya.

Jalaluddin yang juga Exco (Kanan) Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup berkata demikian di Majlis Makan Malam Seminar Pemantapan Kepimpinan Kakitangan Kumpulan Sokongan 1 FAMA 2023 Kebangsaan di Seremban.


"Saya menghargai segala kerjasama dan peranan yang dimainkan oleh kumpulan sokongan FAMA dalam menatijahkan hala tuju kita demi keterjaminan makanan di negeri dan negara ini," kata Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu dan ADUN Pertang.

APA YANG RAKYAT NEGERI SEMBILAN DAPAT:

Skim Simpanan Pendidikan Nasional RM100 seorang kelahiran bayi anak Negeri Sembilan	RM1.60 juta
Bantuan kemasukan pelajar sekolah ke asrama penuh (RM300 x 500 pelajar)	RM0.15 juta
Anugerah Khas Siswazah keputusan ijazah Kelas Pertama di Institusi Pengajian Tinggi Awam	RM2.50 juta
Bantuan khas kemasukan pelajar ke IPTA: RM1,000 Ijazah Sarjana Muda, RM750 Diploma, RM500 Sijil	RM4.50 juta
Bantuan perkahwinan RM500 anak negeri yang mendirikan rumah tangga kali pertama	RM5 juta
Sumbangan Keceriaan tahunan (one-off) RM200 kepada ibu tunggal berpendapatan bawah RM2,000	RM1 juta
Sumbangan Keceriaan (one-off) RM200 kepada Warga Emas berumur 70 tahun berpendapatan tidak melebihi RM3,000	RM14.80 juta
Naik taraf jalan dan lampu jalan	RM10.06 juta
Bantuan Anak Sekolah (BAS)	RM0.90 juta
Basiswa Anak Negeri	RM0.80 juta
Skim Dermasiswa Sara Hidup (RM150 sebulan)	RM3.60 juta
Bantuan Peralatan Implan Ortopedik dan Haemodialisis	RM1.00 juta
Lesen Motosikal B40 (RM150 seorang 100 belia setiap DUN)	RM0.54 juta
Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS)	RM1 juta
TUNS PLUS	RM1 juta
TUNS PERINTIS	RM0.5 Juta
RUMAH HARAPAN RAKYAT	RM5 juta + RM5 juta (MAINS)
Program Jualan Agro Madani	RM3 juta
Program Tingkatkan Hasil Sayuran, Buah-Buahan dan Padi	RM5.25 juta
Pembinaan 9 buah masjid	RM9.10 juta
Menaik taraf kompleks pentadbiran dan kuarters	RM16.57 juta
Bantuan Khas Kewangan gaji satu bulan setengah@minimum RM2,500.	-



Pengagihan kekayaan akan dibuat secara berhemah dan inklusif supaya tidak ada satu pun kumpulan yang tercicir sebagaimana ibrah dalam ayat al Quran surah Al-Hashr ayat 7 mafhumnya "...supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu".




IMBAS KOD QR

UNTUK DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT
INISIATIF KERAJAAN NEGERI SEMBILAN



N9. DIGITAL



Layari laman rasmi:

www.n9.digital



atau

muat turun aplikasi N9.Digital
di Apple Store dan Google Play



Majlis Anugerah Khas Siswazah Kelas Pertama Anak Negeri Sembilan

Ibu sebak terima Anugerah Siswazah Cemerlang arwah anak



SEREMBAN- Seorang ibu tidak dapat menahan sebak apabila Allahyarham anak sulungnya menerima Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun.

Masrizah Abd Rahman, 49, mewakili Allahyarham Farra Wahida Ibrashid, 25, yang telah meninggal dunia pada

20 Januari 2023 merupakan siswazah cemerlang Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Pemasaran dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Farra Wahida menghidap penyakit Talasemia sejak berusia tiga tahun.

"Allahyarham bercita-cita nak jadi pensyarah. Walaupun dalam keadaan sakit, dia tetap

gigih dan kuat berusaha meneruskan pengajian dan menjadi contoh kepada adik-adiknya.

"Walaupun anak saya sudah tiada, inilah jasa dan kebanggaan terakhir yang ditinggalkannya kepada saya sekeluarga,"



Cik Nurul Ajlaa Aqilah Mazlin
26 tahun
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Perniagaan dari UiTM

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dan Menteri Besar Negeri Sembilan yang memperkenalkan Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama dengan insentif RM5,000.



Cik Leong Yee Man
25 tahun
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya

"Saya berasa gembira kerana dapat insentif RM5,000 daripada Yayasan Negeri Sembilan. "Terima kasih YNS dan Menteri Besar Negeri Sembilan. "Insentif ini seharusnya memberi motivasi kepada semua pelajar untuk mencapai keputusan cemerlang di institut pengajian tinggi.

"Apabila mencapai keputusan cemerlang dalam pendidikan, peluang mendapat pekerjaan juga lebih cerah.



Encik Mohammad Nor Affiq Norshamsudin, 26 tahun
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa Dalam Penyiaran dari UiTM

"Saya gembira kerana dapat membawa bersama ayah dan ibu saya naik ke pentas untuk menerima anugerah ini.

"Terima kasih kepada Menteri Besar Negeri Sembilan kerana atas inisiatif ini kami pelajar dapat membawa ibu dan bapa kami naik ke pentas untuk menerima anugerah ini.

"Sebab lazimnya majlis anugerah di luar sana, mereka hanya memberi peluang kepada pelajar naik ke atas pentas.

"Maka momen ini cukup berharga pada saya sebagai seorang anak dan inisiatif ini juga (sebelum ini) menjadi pemangkin kepada saya untuk belajar dengan lebih baik.

"Saya berharap insentif ini diteruskan agar lebih ramai pelajar IPT Negeri Sembilan mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.



Cik Pavitra Velu, 25 tahun
Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik dalam Bahasa Tamil dari Universiti Malaya

"Terima kasih kepada Menteri Besar yang memberi Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama dengan insentif RM5,000 kepada saya.

"Saya bangga dengan anugerah ini dan insentif ini akan membantu saya melanjutkan pengajian saya ke peringkat Ijazah Sarjana dalam Pendidikan.

"Saya berharap YNS meneruskan pemberian insentif ini bagi memberi motivasi kepada pelajar IPT pada masa akan datang.




Cik Nurfatini Aniqah Abdul Rahim
26 tahun
Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari UiTM

"Terima kasih kepada YNS dan Kerajaan Negeri Sembilan di atas pemberian anugerah ini.

"Insentif ini merupakan pembakar semangat untuk semua pelajar IPT dari Negeri Sembilan untuk mendapat keputusan yang cemerlang.

Lantang bersuara atau lantang bekerja?



Edzwan Ashraf
Wartawan Nogori Kito

Kita dapat lihat hari ini dalam dunia yang serba moden beta-pa ramai pemimpin yang ada di sekeliling kita yang boleh dilihat melalui pelbagai platform media sosial. Sebagai seorang lelaki secara lahiriahnya anda juga adalah seorang pemimpin.

Namun, apakah sikap yang kita perlu terapkan dalam diri sebagai pemimpin adakah dengan lantang bersuara ataupun diam bekerja?. Oleh itu, artikel ini bertujuan memberi contoh

kedua-dua sifat ini untuk pembaca menilai bagaimana yang harus ada dalam diri seorang pemimpin.

Lantang Bersuara

Tidak dapat dinafikan bahawa mereka yang mempunyai sifat lantang bersuara ini semanganya digemari oleh masyarakat. Manakan tidak, orang ramai melihat bahawa sifat ini adalah sifat yang bagus kerana berani menyuarakan pendapat dan idea mereka.

Kita juga dapat melihat sifat ini dalam kalangan pemimpin di negara kita secara khususnya. Apabila berkempen berdegang-degang cakupannya. Malahan terlalu lantang sehingga memperlekehkan orang lain ada juga sehingga menghina institusi Di Raja. Sebagai seorang pemimpin yang dilihat masyarakat tidakkah mereka terfikir bahawa sifat sedemikian mampu mempengaruhi orang

ramai untuk berbuat demikian? Sedangkan rukun negara menyebut bahawa Kesetiaan kepada Raja dan negara serta Kesopanan dan Kesucilaan.

Ada juga antara pemimpin kita yang lantang menyatakan telah melakukan pembangunan di negerinya seperti lapangan terbang antarabangsa. Namun begitu, sehingga hari ini lapangan terbang tersebut belum kelihatan tempat mendaratnya. Barangkali adalah untuk orang bunian.

Oleh itu, saya ingin meninggalkan persoalan kepada pembaca, adakah lantang bersuara ini yang kita mahukan sebagai pemimpin? Tidak ubah seperti paku sebatang, kuat bunyi tukulnya bertalu-talu.

Lantang Bekerja

Dari sisi ini kita melihat satu sifat yang lain. Hal ini demikian lantang bekerja ini adalah sub-

jektif. Secara tidak langsung ia bermaksud kuat bekerja. Sifat seperti ini seharusnya kita perlu ada dalam diri sendiri.

Sebagai contoh, terdapat pemimpin di sebuah negeri yang lembut orangnya, tatkala pemimpin lain beradu domba, beliau memilih diam menjaga negerinya. Tahu tahu saja, sebuah pekan kampung di negeri itu semakin pesat membangun.

Pekan yang dahulu tidak ramai, malahan penduduk tempatan tidak menghiraukannya lebih-lebih lagi pada waktu malam. Kini, pekan itu sudah semakin meriah dengan adanya pelbagai jenis kedai berjenama besar yang wujud di situ.

Baru-baru ini juga pekan itu mendapat perhatian daripada seluruh negara apabila mengadakan sebuah program tradisional secara besar-besaran. Ia juga mendapat perhatian

daripada beberapa kedutaan luar untuk turut serta.

Tidak cukup dengan itu, untuk menutup tahun 2023 ini pula beliau telah berjaya menjadikan semua daerah dalam negerinya mencapai sifar miskin tegar. Pemimpin ini tidak ubah seperti diam diam ubi berisi.

Rumusan

Daripada dua contoh ini, dapatkah pembaca membuat penilaian sifat yang mana perlu ada dalam diri seorang pemimpin. Ia penting kerana orang yang dipilih itu nanti akan menjadi pemimpin kita. Jadi mahukah kita memilih pemimpin yang lantang bersuara atau lantang bekerja?

Oh ya, artikel ini adalah berkaitan Sanusi (MB Kedah) dan Aminuddin (MB N9)

Wibawa Malaysia menarik pelabur



Muhamad Hanapi Jamaludin
Presiden Benevolent Malaysia

Lazim untuk sebuah negara yang baru keluar daripada kancas konflik mengambil waktu beberapa lamanya untuk membina keyakinan global.

Pada hujung tahun 2021, Malaysia berhadapan tiga serangkai krisis yang meragut kesejahteraan rakyat; pandemik Covid-19, banjir besar (kerajaan kerugian RM6.5 bilion) dan kerancuan politik (political morass) akibat keadaan politik yang tidak stabil.

Pada 24 November 2022, Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim mengambil alih kerajaan. Di waktu usia biologi beliau (76 tahun) pada tahun ini, beliau punya tempoh tidak

banyak untuk bekerja keras membuktikan selama ini apa yang dikhutbahkan dan diperjuangkan.

Pemerataan kekayaan (distributive wealth) terhadap seluruh rakyat negara sebagai contoh yang sering dikumandangkan. Ia tidak dapat dicapai tanpa memastikan negara memperoleh kemakmuran ekonomi.

Justeru, tekad berkenaan dijemakan oleh Perdana Menteri satu persatu. Terbaru, usai daripada Sidang Tergempar OIC pada 11 November 2023, Perdana Menteri terus berangkat ke San Francisco menyertai Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC).

Penglibatan aktif, kredibiliti dan ekosistem mapan mendorong minat pelabur dengan dasar yang inklusif di bawah pentadbiran kerajaan Malaysia Madani menatijahkan dapatan pelaburan berjumlah RM63.02 bilion.

Ia ditambah dengan kejayaan memikat nilai potensi eksport sebanyak RM2.78 bilion dari Malaysia.

Perdana Menteri bersama pasukan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta Kementerian Komunikasi Digital (KKD) merekodkan beberapa pencapaian seperti berikut:

1. Pertemuan yang diadakan bersama gergasi teknologi seperti Google, Microsoft, Tik Tok dan TPG telah berjaya membawa komitmen bernilai RM54.72 bilion bagi tempoh 10 hingga 15 tahun.

2. Hasil komitmen FDI berjaya diraih sebanyak RM8.3 bilion daripada syarikat ternama seperti Abbot Laboratories, Mondelez Internasional, Amsted Rail, Hematogenix, PerkinElmer, Ford Motor Company, Boeing, Amazon Web Services dan Lam Research.

Perdana Menteri menyifatkan ianya adalah kejayaan delegasi Malaysia menyertai misi ke luar negara seperti forum atau acara persidangan seperti ini.

Ianya bukan lawatan makan angin selain daripada membawa misi untuk kemakmuran 33 juta rakyat tanah air yang dapat

dirasai kelak apabila ianya telah berjalan.

Pelaburan adalah proses panjang yang memerlukan tekad dan komitmen berterusan untuk ianya dijayakan.

Kestabilan politik dan dasar mesra pelabur dengan infrastruktur yang menggalakkan pertumbuhan positif mendorong kejayaan untuk memikat pelabur.

Apa yang dicapai pasukan Malaysia di San Francisco ini adalah lanjutan daripada beberapa kejayaan sebelumnya.

Untuk rekod, pada awal April lepas, Malaysia mencatat RM170 bilion angka pelaburan daripada syarikat-syarikat China, manakala pada Oktober 2023, sebanyak RM40.6 billion berjaya diraih melalui lawatan kerja Perdana Menteri ke Abu Dhabi.

Pesona seorang pemimpin sangat memainkan peranan untuk melengkapkan kecemerlangan menoktahkan persetujuan antara rakan dagang. Tidak dapat dibantah, Perdana Menteri

melalui pendedahan lama dalam liga antarabangsa samada melalui kegiatan NGO belia, dakwah dan isu kemanusiaan memberikan keyakinan kepada masyarakat antarabangsa yang dihadapi.

Perlu juga dinyatakan bahawa, delegasi Malaysia berjaya merundingkan penubuhan Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber (CCoE) di Kuala Lumpur pada tahun 2024 yang menjadikan ini adalah CCoE yang pertama di rantau Asia Pasifik dengan kerjasama syarikat Blueberry Ltd.

Soal keselamatan digital termasuk dalam ancaman bentuk baharu yang sangat perlu diwaspadakan. Kemunculan penggadam, scammer dan pelbagai muslihat menjadikan jenayah siber sangat membawa risiko kepada rakyat dan negara. Dengan wujudnya pusat ini nanti, Malaysia berpotensi menjadi pusat sumber dan rujukan penting di rantau ini dalam isu yang melibatkan keselamatan digital dan dunia siber.

Enam buah masjid baharu bukti syiar Islam terus diperkasa

SEREMBAN: Enam buah masjid baharu yang telah siap dibina di Negeri Sembilan menjadi bukti bahawa syiar Islam di negeri ini semakin terus diperkasa.

Tahun lepas kita telah disajikan dengan lima buah masjid baharu iaitu Masjid Nilai, Masjid Bahau, Masjid Rembau, Masjid Forest Height dan Masjid Seremban Selatan. Sebanyak RM30.21 juta telah diperuntukkan untuk pembinaan kelima-lima masjid tersebut.

Tempoh hari, kita dapat lihat bahawa Masjid Kerangai menjadi masjid keenam yang telah siap dibina den-

gan peruntukan sebanyak RM2.8 juta.

Pembinaan masjid-masjid ini sepatutnya menjadi salah satu isyarat kepada orang ramai bahawa syiar Islam di Negeri Sembilan semakin berkembang dan tidak terhalang sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak apabila Kerajaan Perpaduan terbentuk.

Tambahan pula, Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun baru-baru ini mengumumkan bahawa beliau akan meneruskan program Ihya' Ramadhan

sebagaimana yang dilakukan beliau pada tahun sebelum ini.

Menjelang sepuluh malam terakhir pula, beliau akan turun ke masjid sekitar Negeri Sembilan untuk berqiam-ullail di masjid tersebut.

Pemimpin sebegini yang seharusnya kita jadikan contoh.

Biarpun sering dikatakan bekerjasama dengan komunis, Islam akan terhapus, tetapi sebaliknya beliau menunjukkan bahawa syiar Islam tetap berkembang dengan jayanya.

Jelebu terima masjid baharu



JELEBU: Masjid Kerangai yang terletak di jelebu telah siap dibina.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, masjid tersebut telah siap dibina sepenuhnya pada 28 Februari lalu.

"Masjid itu dibangunkan di atas tanah seluas 2.18 ekar, mampu menampung 400 orang jemaah dalam satu-satu masa.

"Sebanyak RM2.8 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan masjid tersebut yang disalurkan melalui Pejabat Pembangunan Negeri, Negeri Sembilan (PPNNS).

"Masjid ini sudah tentu akan menjadi tumpuan para musafir yang menggunakan laluan alternatif dari Pantai Timur ke Jekebu kerana lokasinya yang strategik," kata Aminuddin.

Dengan siap sahaja masjid tersebut menjadikan ia sebagai masjid keenam yang siap dibina.

Aminuddin menambah, bahawa tahun lalu sebanyak lima buah masjid telah siap dibina.

"Antara masjid tersebut adalah Masjid Nilai, Masjid Forest Height, Masjid Seri Kendong Rembau, Masjid Bahau dan Masjid Seremban Selatan.

"Sebanyak RM30.21 juta peruntukan dikeluarkan untuk pembinaan masjid-masjid tersebut.

"Dengan adanya masjid baharu ini sudah tentu melambangkan usaha Kerajaan Negeri sentiasa memperkasa syiar Islam di negeri ini," tambah beliau.

Kenali YB Sohibus Samahah Dato' Negeri Sembilan

3 Oktober lalu merupakan hari pertama YB Sohibus Samahah Prof. Madya Dr. Faudzinaim Baharuddin dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.



Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Muhammad Said, Seremban. Kemudian menyambung pelajaran di peringkat Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian)

di Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana dan Doktor Falsafah di School of Oriental and African Studies, University of London, United Kingdom.

Pada awal kerjayanya, beliau menjadi tutor dan pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan kini menjawat jawatan sebagai Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

Terlibat dalam pelbagai jawatankuasa berkaitan hal ehwal Islam di peringkat kebangsaan dan negeri. Di peringkat kebangsaan, beliau adalah Panel Pakar Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Felo Malaysia International Fiqh Academy, JAKIM, Ahli Majlis Dakwah Negara, Ahli Panel Pakar Bidang Sastera Tradisional, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Panel Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN),

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Naib Presiden, Persatuan Alumni Pengajian Islam UKM (PAFPI) dan Naib Presiden Persatuan International

Society Of Muslim Philosophers And Theologians (ISOMPT) Malaysia. Manakala di Negeri Sembilan, beliau merupakan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan.

Dengan kelayakan dan kemahiran yang melibatkan bidang akidah dan kesufian saya berharap dapat membantu meningkatkan pembangunan syiar Islam khususnya buat rakyat di Negeri Sembilan.

Selamat berkhidmat diucapkan semoga jawatan yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan penuh keikhlasan demi Negeri Sembilan yang dikasihi, Insya-Allah.

Bantuan Perkahwinan RM500
setiap anak negeri yang mendirikan rumahtangga kali pertama.

YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

RM25 juta diperuntuk untuk pembinaan Masjid Terapung Port Dickson



SEREMBAN: Kerajaan memperuntukkan RM25 juta bagi pembinaan Masjid Terapung Port Dickson.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun (Sikamat-PH) berkata, anggaran kos

pembinaan Masjid Terapung adalah sebanyak RM 25 juta.

"Pada 18 Februari 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM15 juta.

"Baki RM10 juta akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

"Status semasa adalah di peringkat penilaian teknikal kesesuaian tapak lokasi pembinaan projek.

"Tiga tapak telah dikenalpasti dan akan dinilai kebolehlaksanaan projek berkenaan," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan ADUN Bagan Pinang, YB Abdul Fatah Zakaria (PN)

di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15 di Seremban.

Hati-hati individu mengaku keturunan Nabi Muhammad

KUALA LUMPUR: Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati dengan individu yang mengaku dirinya adalah keturunan atau nasab daripada Baginda Nabi Muhammad S.A.W..

Ini kerana baru-baru ini terdapat seorang individu bernama Mohamed Amin Ouradji atau lebih dikenali sebagai Mawla Amin yang mengaku beliau adalah keturunan ke-38 daripada Nabi Muhammad dan merupakan rakyat daripada negara Maghribi.

Bagaimanapun, Maghribi telah mengeluarkan kenyataan rasmi menyangkal bahawa Mohamed Amin bukanlah warganegara tersebut.

Sebaliknya, Kementerian Luar Maghribi menyatakan bahawa beliau dilahirkan di Algeria sebelum berpindah ke Perancis bersama keluarganya.

Berdasarkan rekod, Mohamed Amin pernah berada di Malaysia pada 2022 di bawah naungan sebuah madrasah, namun kehadirannya dikritik pihak berkuasa ekoran dokumen dakwaan 'keturunannya' yang menimbulkan keraguan.

Lebih hangat apabila kemunculan beliau mencetuskan kontroversi selepas dikaitkan dengan penubuhan sebuah mazhab yang turut mengutip derma secara haram daripada orang awam dalam usaha menubuhkan 'Kerajaan 9' di Melaka sebagai persiapan menghadapi akhir zaman.

Pihak polis kini sedang kiat mengawasi kegiatan Mohamed Amin bersama dengan pengikutnya di seluruh negara termasuk sebuah madrasah di Selangor ketika dikesan cubaan menyebarkan ajarannya.

Tafsiran Pegangan dan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Kategori: **Akidah** Tahun: **2016**

Status Pewartaan: **Tidak Diwartakan**

Negeri: **Negeri Sembilan**

Keputusan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (Bil. 02/2016-1437H) yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersamaan 16 Jamadilawal 1437H, telah bersetuju menerima cadangan takrifan berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dalam konteks Negeri Sembilan iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam mereka yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama Islam muftabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan:

1. Aqidah dan Tauhid, berdasarkan pegangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
2. Fiqh dan Syariah, berdasarkan mazhab Shafii di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
3. Tasawwuf, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.

MARA Liner sedia perkhidmatan bas Port Dickson - Bukit Pelandok



Adun Sri Tanjung

SRI TANJUNG: Syarikat bas MARA Liner telah membuka laluan baharu perkhidmatan bas menghubungkan bandar Port Dickson ke Bukit Pelandok, Chuah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Tanjung, YB Dr.Rajasekaran Gunnasekaran berkata, perkhidmatan bas ini akan memudahkan penduduk Bukit Pelandok dan Chuah untuk pergi ke bandar Port Dickson melibatkan pelbagai urusan rasmi dan membeli belah.

"Harga tiket yang ditawarkan untuk kedua-dua laluan ini hanya RM3.30 sahaja," kata Rajasekaran.

Jadual laluan bas adalah seperti berikut:

<p>A Bukit Pelandok ke Terminal Bas Port Dickson</p> <ul style="list-style-type: none"> • 8.00 Pagi • 2.00 Petang 	<p>B Terminal Bas Port Dickson ke Bukit Pelandok</p> <ul style="list-style-type: none"> • 10.15 Pagi • 3.15 Petang
--	---

Isu sistem saliran tersumbat di Kampung Sungai Talan selesai



Adun Juasseh

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Juasseh, YB Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid berkata, isu perparitan (longkang) yang tersumbat

di Batu.8, Kampung Sungai Talan telah diselesaikan setelah aduan dibuat kepada Jabatan Kerja Raya Kuala Pilah.

Pelajar SMK Tuanku Muhammad sertai lawatan sambil belajar ke parlimen



Ahli Parlimen Kuala Pilah

Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Kuala Pilah telah menganjurkan program lawatan ke Dewan Rakyat (Parlimen) melibatkan pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan

Tuanku Muhammad Kuala Pilah.

Ahli Parlimen Kuala Pilah, YB Dato' Adnan Abu Hasan berkata, seramai 35 pelajar

Tingkatan Enam dan empat orang guru menyertai lawatan ini yang bertujuan bagi mendedahkan para pelajar tentang fungsi dan sistem demokrasi di Malaysia.

Projek Mentor SKUAD



18 orang ahli SKUAD Antidadah AADK Jelebu telah dihipunkan dan dilantik sebagai "Mentor" untuk menggerakkan aktiviti kesukarelaan di daerah Jelebu hari ini.

Projek Mentor SKUAD adalah satu projek untuk memperkasakan kualiti ahli

SKUAD yang sedia ada serta yang baharu di mana kesemua mentor ini akan memainkan peranan penting sebagai pakar rujuk di dalam komuniti mereka mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing.

30 pelajar terima Insentif Kecemerlangan IPT daripada Gunasekaren



Adun Seremban Jaya

ADUN Seremban Jaya, YB P.Gunasekaren telah menyampaikan Insentif Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kepada 30 pelajar IPT.

Inisiatif ini menawarkan bantuan kewangan kepada pelajar tahun pertama yang layak memasuki IPT dengan jumlah bantuan mengikut tahap pengajian mereka iaitu

RM1,000 bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma (RM750) dan Sijil (RM500).

Masalah banjir di DUN Klawang dan DUN Chennah akan diatasi



Ahli Parlimen Jelebu

JELEBU: Ahli Parlimen Jelebu, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias akan mengadakan satu Mesyuarat Task Force Bencana bagi mencari punca dan kaedah penyelesaian untuk mengatasi masalah banjir di DUN Klawang dan DUN Chennah.

Jalaluddin berkata, Taman Pekan Baru, Kampung Chennah dan Kampung Puom telah dilanda banjir akibat hujan lebat baru-baru ini.

"Sebanyak 24 buah rumah telah terjejas di Taman Pekan Baru, dua buah rumah di Kampung Chennah dan lima

buah rumah di Kampung Puom.

"Saya akan memanggil satu Mesyuarat Task Force bagi mencari punca dan kaedah penyelesaian untuk masalah ini.

"Saya berharap satu tindakan dapat diambil agar masalah ini tidak berulang kembali di masa hadapan.

"Saya juga telah memberikan sumbangan awal kecemasan kepada mangsa yang terlibat," katanya.

Lebih 100 unit lampu jalan teknologi solar dipasang di Tampin

REPAH: Lebih 100 unit lampu jalan solar pintar telah dipasang di beberapa kawasan perumahan di Pekan Tampin.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah, YB Veerapan Superamiam berkata, pemasangan lampu jalan di kawasan perumahan adalah penting bagi mengelakkan kemalangan di samping mengurangkan risiko kejadian jenayah.

"Lebih 100 unit lampu jalan solar pintar telah dipasang di Taman Indah, Taman Clonlee, Kampung Baru Tampin, Tampin Jaya dan di bandar Tampin sendiri.

"Lampu jalan solar ini dikuasakan oleh panel solar. Lampu ini menawarkan lampu LED yang sangat cekap dan terang dengan sistem kawalan pintar.

Penggunaan lampu jalan solar menjimatkan bil elektrik dan mesra alam.

"Terima kasih kepada Majlis Daerah Tampin dan Ahli Majlis Daerah Tampin yang memberikan kerjasama sepenuhnya dalam proses kerja-kerja pemasangan lampu jalan," kata Veerapan.



ADUN Repah

Cha sumbang dana RM62,230 kepada SK Puteri



Ahli Parlimen Rasah

Sekolah Kebangsaan (SK) Puteri, Seremban telah menerima sumbangan dana sebanyak RM62,230 daripada Ahli Parlimen Rasah, YB Cha Kee Chin.

Cha berkata, sumbangan kewangan tersebut bagi menaik taraf kemudahan asas dan menjalankan aktiviti akademik sekolah.

Mohd Asna saran Pengerusi dan Setiausaha JPKK beri khidmat terbaik kepada masyarakat



ADUN Lenggeng

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Negeri Sembilan Penggal 2023-2025 bagi DUN Lenggeng disarankan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, YB Mohd Asna Amin berkata, beliau berharap Pengerusi dan Setiausaha JPKK menyampaikan maklumat dasar Kerajaan Negeri kepada masyarakat setempat.

Mohd Razi serah bantuan kewangan kepada 78 pelajar sekolah



ADUN Sungai Lui

SUNGAI LUI: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lui, YB Mohd Razi Mohd Ali telah menyerahkan bantuan kewangan kepada 78 pelajar sekolah yang kurang berkemampuan di DUN Sungai Lui.

Mohd Razi berkata, beliau telah menyerahkan Bantuan Anak Sekolah (BAS) sebanyak RM600 kepada 55 orang murid dari sekolah rendah dan Biasiswa Anak Negeri (BAN) sebanyak RM500 kepada 23 orang pelajar dari sekolah menengah di dalam DUN Sungai Lui.

“Penyerahan bantuan secara One-Off ini merupakan inisiat-

if Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan untuk membantu anak-anak kita dari golongan berpendapatan rendah yang berdaftar di bawah Program e-Kasih dan berkelayakan.

“Semoga bantuan ini dapat meringankan beban keluarga untuk menghadapi persiapan musim persekolahan pada tahun hadapan.

“Saya berharap bantuan ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin kepada semua 78 orang yang menerima bantuan ini di Dewan Baitul Hikmah SMK (F) Lui Barat,” kata Mohd Razi.

Mustapha serah sumbangan kewangan kepada Surau FGV Palong 18



Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Palong, YB Mustapha Nagoor menyerahkan sejumlah bantuan kewangan kepada pengurusan Surau FGV Palong 18.

Sumbangan ini diberikan kepada pengurusan surau untuk penganjuran aktiviti keagamaan di surau ini.



ADUN Palong

Tengku Zamrah sumbang bantuan kewangan kepada SK King George V



ADUN Ampangan

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ampangan, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman telah menyumbang RM5,000 kepada Sekolah Kebangsaan (SK) King George V, Ampangan bagi pembangunan sukan dan aktiviti ko-kurikulum sekolah.

Pembangunan sukan di peringkat sekolah mampu melahirkan bakat baharu di peringkat negeri, kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Shamsulkahar saran pendapatan peneroka Felda dinaikkan kepada RM1,500 sebulan

Ahli Parlimen Jempol, YB Dato' Shamsulkahar Mohd Deli menyarankan agar Kerajaan Persekutuan membuat pelarasan pendapatan peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) kepada RM1,500 sebulan berbanding kira-kira RM1,200 yang diterima ketika ini.

Pelarasan ini perlu agar selari dengan pelaksanaan gaji minimum dan mengambil kira beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

Aminuddin sumbang RM100 ribu kepada 10 buah sekolah



Ahli Parlimen Port Dickson

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun telah memberikan sumbangan kewangan sebanyak RM100,000 kepada 10 buah sekolah menengah di Port Dickson.

PORT DICKSON: Aminuddin yang juga merupakan Ahli Parlimen Port Dickson itu berkata, setiap sekolah menerima sumbangan sebanyak RM10,000.

"Sumbangan tersebut merupakan peruntukan beliau sebagai Ahli Parlimen.

"Sumbangan yang diberikan adalah bagi memastikan semua anak-anak saya yang bakal menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tidak lama lagi diberikan makanan sebelum kelas tambahan.

"Saya memahami kesukaran apabila pulang ke rumah untuk makan kemudian hadir semula ke sekolah untuk kelas tambahan.

"Oleh itu sumbangan ini diberikan supaya dapat meringankan beban mereka," ujar Aminuddin.

Aminuddin turut menambah bahawa beliau ingin bidang akademik para pelajar ini diambil berat.

"Saya mahu anak-anak saya ini dijaga.

"Ini supaya mereka dapat memberikan fokus untuk menghadapi SPM dan mendapat kejayaan.

"Saya yakin mereka semua mampu untuk mencapai kejayaan dan mendapat kece merlangan dalam peperiksaan yang bakal di hadapi," kata beliau lagi.

SIMPANG PERTANG:

Pusat perniagaan akan dibina dengan kos RM3.8 juta

PERTANG: Exco (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, pusat perniagaan itu akan dibina di atas tanah milik kerajaan seluas 0.8 hektar dengan kos pembinaan berjumlah RM3.8 juta menerusi peruntukan MARA.

"Pembinaan pusat perniagaan ini akan bermula pada awal tahun depan.

"Ketika ini saya sedang meneliti pelan dan konsep bangunan yang akan dibina itu dan apa

bila siap, pusat perniagaan ini akan menjadi tempat usahawan sekitar Parlimen Jelebu untuk berniaga.

"Kerja pembersihan tapak sudah dimulakan dan kita berharap pusat perniagaan ini apabila siap kelak, akan merancakkan sektor ekonomi di Simpang Pertang," kata Jalaluddin yang juga ADUN Pertang.

Jalaluddin berkata demikian di majlis Penyampaian Dana Projek Mesra Rakyat (PMR) di Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Jelebu.

Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu berkata, pusat perniagaan itu juga akan berperanan menjadi lokasi pemasaran pelbagai produk industri kampung dan industri kecil di Parlimen Jelebu.

Sebuah pusat perniagaan atau 'one-stop centre' akan dibina di Simpang Pertang bagi membangunkan golongan peniaga khususnya usahawan Bumiputera.



ADUN Pertang

Tabika Perpaduan Rembau terima sumbangan kewangan dari Zaifulbahri

CHEMBONG: Tabika Perpaduan Daerah Rembau telah menerima sejumlah sumbangan kewangan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chembong, YB Dato'.

Sumbangan ini diberikan bagi membantu pengurusan tabika menjalankan aktiviti yang berkaitan untuk anak-anak disini.



ADUN Chembong



ADUN Johor

Pengerusi dan Setiausaha JPKK disaran peka dengan aduan rakyat

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor, YB Saiful Yazan Sulaiman menyarankan Pengerusi dan Setiausaha JPKK agar peka dengan keluhan dan aduan penduduk di DUN Johor. Selain itu JPKK juga perlu menjadi mata dan telinga kerajaan dengan menyalurkan segala dasar dan inisiatif kerajaan kepada penduduk setempat.

Port Dickson berpotensi jadi destinasi persinggahan Genting Dream Cruise

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan akan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensinya berkaitan, agar pihak Genting Dream Cruise dapat menjadikan Port Dickson sebagai salah satu destinasi persinggahan di samping menawarkan pakej pelancongan yang menarik kepada pelancong.

Exco Pelancongan, Kesenian, dan Kebudayaan, YB Nicole Tan Lee Koon (Bukit Kepayang-PH) menyatakan bahawa Jeti Penumpang Port Dickson berpotensi menjadi destinasi persinggahan kapal Cruise, melampaui Pelabuhan Klang.

Beliau menjelaskan beberapa cadangan penambahbaikan, termasuk menambah kaunter mobil dan pegawai imigresen mengikut keperluan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan di jeti tersebut. Cadangan perancangan masa hadapan adalah untuk mendalamkan lembangan hadapan jeti, memudahkan kapal Cruise berlabuh dengan rapat.



“Nicole Tan mengumumkan cadangan membina pelabuhan kecil dengan syarikat swasta di Port Dickson sebagai ‘Home Port’ kapal persiaran dan ‘feeder port’ untuk kapal tentera besar, pelabuhan pintar yang ‘niche’ tidak bersaing dengan Pelabuhan Klang.”

Perancangan ini diharapkan dapat membantu menarik syarikat kapal Cruise untuk berlabuh di Port Dickson. Genting Dream Cruise sebelum ini telah singgah di Port Dickson pada 11 Julai 2022, 14 Julai 2022, dan 27 Oktober 2022 selepas pandemik Covid-19.

Nicole Tan menyatakan bahawa pada awalnya, Jeti Penumpang Port Dickson dibina untuk memberikan perkhidmatan kepada feri, dan konsep jeti ini direka dengan mempertimbangkan kesesuaian feri. Kapal Cruise tidak dapat merapat ke jeti ini; oleh itu, kapal tersebut

perlu berlabuh di kawasan yang ditetapkan dan menggunakan perkhidmatan bot untuk membawa penumpang ke jeti.

Walaupun Jeti Penumpang Port Dickson hanya menjadi pelabuhan transit bagi penumpang kapal Cruise pada tahun 2019, tanpa perancangan lanjut Genting Dream Cruise untuk membuat persinggahan di Port Dickson, Kerajaan Negeri berharap dapat menarik lebih banyak kapal Cruise ke destinasi tersebut.

Ini merupakan jawapan kepada pertanyaan ADUN Temiang, YB Ng Chin Tsai (PH) dalam Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Yang Ke-15.

Tempat menarik Negeri Sembilan edisi kali ini

Edzwan Ashraf

Sebuah negeri yang tersepit antara Melaka dan Lembah Klang.

Negeri Sembilan merupakan diam diam ubi berisi, manakan tidak siapa sangka di negeri ini mempunyai banyak tempat dan aktiviti menarik yang pelancong boleh lakukan ketika datang ke sini.

Oleh itu, dalam edisi kali ini, Negeri Kita (NK) akan mencadangkan tiga tempat menarik di Negeri Sembilan.

Taman Negeri Kenaboi

Taman Negeri Kenaboi

Taman Negeri Kenaboi, terletak di Jelevu, menawarkan pengalaman serba lengkap untuk pencinta alam. Dulu dikenali sebagai Taman Alam Liar, destinasi ini menjadi titik permulaan untuk mendaki Gunung Besar Hantu.

Di samping itu, terdapat air terjun menarik seperti Lata Kijang dan Jeram Berungut, meskipun tidak sesuai untuk mandi kerana kawasan berbatu.

Sungai Kenaboi, yang sesuai untuk tube rafting, menambahkan elemen keseronokan dengan arus yang tidak terlalu deras. Selain itu, taman ini menampilkan kepelbagaian tumbuhan dan flora yang menarik, termasuk orkid liar, paku pakis, dan bunga palma.



Oleh itu, Taman Negeri Kenaboi ini adalah sebuah destinasi yang memikat bagi pencinta alam dan pengembaraan berkumpulan.

Kompleks Muzium Negeri

Sebuah kompleks menakjubkan yang menggabungkan seni bina bangunan dan reka bentuk bumbung orang Minangkabau terletak di Negeri Sembilan. Kompleks ini terbahagi kepada

tiga bahagian utama: Teratak Perpatih, Istana Ampang Tinggi, dan Rumah Negeri Sembilan.



Teratak Perpatih, yang juga berfungsi sebagai muzium, menampilkan pelbagai artifak dan maklumat bersejarah. Koleksi utama termasuk dulang berkaki, perkakasan diraja dari perak, serta senjata lama.

Istana Ampang Tinggi, sebuah istana lama yang mencerminkan pengaruh budaya Minangkabau, telah berdiri lebih daripada satu dekad.

Rumah Negeri Sembilan, sebuah rumah tradisional, menyajikan informasi bersejarah tentang budaya dan seni bina silam masyarakat Negeri Sembilan. Tempat ini memberikan pandangan yang kaya tentang kehidupan dan warisan budaya orang Negeri Sembilan.

Muzium Istana Seri Menanti (Istana Tanpa Paku)

Muzium Istana Tanpa Paku di Bandar Seri Menanti, Negeri Sembilan, menonjolkan keunikan seni bina tradisional yang memukau pengunjung. Dibina pada tahun 1908, istana ini menjadi tumpuan utama kerana

keistimewaan dalam penggunaan teknik pasak sebagai ganti paku, tanpa menggunakan sebarang paku dalam pembinaannya.

Dengan ketinggian empat tingkat dan 99 batang tiang yang megah, istana ini bukan sahaja menampakkan berbagai barangan bersejarah, tetapi juga mempersembahkan pengalaman visual yang memukau.

Keunikan istana ini bukan hanya terbatas pada senibina pembinaannya, tetapi juga terletak pada keindahan landskap sekelilingnya.

Pengunjung dapat menikmati kecantikan taman yang dipelihara dengan baik dari beranda istana, menciptakan suasana yang ideal untuk aktiviti fotografi.



Keseluruhan pengalaman di Muzium Istana Tanpa Paku memberikan peluang kepada pengunjung untuk mendalami sejarah tempatan sambil menikmati keindahan alam sekitar.

Destinasi ini menjadi penanda budaya yang memikat di tengah-tengah Negeri Sembilan yang kaya dengan warisan bersejarah.

Pulau Burung seperti di Sweden

NICOLE




PORT DICKSON: Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, YB Nicole Tan Lee Koon berkata, pemandangan di Pulau Burung tak ubah seperti di Sweden.

“Sungguhpun menakjubkan, pemandangan ini terdapat di Pulau Burung.

“Tidak perlu terbang ke Sweden dalam penerbangan 13 jam, kerana Pulau Burung menawarkan pengalaman yang serupa.

Kunjungi Batu 4, Pantai Cahaya, lintasi jambatan menuju pulau, dan kembali melalui jambatan lain, menikmati suasana paya bakau. “Semasa air pasang, berjalan terasa seperti meluncur di atas air,” jelas Nicole.


Muzium Istana Seri Menanti (Istana Tanpa Paku)



TERAS 4
Belia, wanita, keluarga, sukan & keusahawanan.

Lesen motosikal B40
RM150 seorang
100 belia setiap DUN.

megat @negerikita



SKIM SEJAHTERA RAKYAT:
Ibu Tunggal ~

Sumbangan Keceriaan Tahunan.
RM 200
Berpendapatan bawah RM2,000


megat @negerikita

SKIM SEJAHTERA RAKYAT
Bayi & Kanak-kanak



RM 100
Caruman (one off) Skim Simpanan Pendidikan Nasional RM100 seorang kelahiran baharu anak-anak Negeri Sembilan.

megat @negerikita



SKIM SEJAHTERA RAKYAT:

Pelajar Sekolah RM300
Bantuan kemasukan ke sekolah asrama penuh
"lopeh la duit belajar..."

megat @negerikita

SKIM SEJAHTERA RAKYAT:
Sumbangan Keceriaan Tahunan ~



Sey dapet RM200!

Warga Emas To tahun ke atas.

Sey pun dapet juo!

megat @negerikita

Seloka Wagih

Rumah Harapan Rakyat N9 2024

- o Harga seunit RM85 ribu Subsidi Kerajaan RM100ibu
- o Pinjaman Pmbayaran Tanpa Fazdah
- o Pinjaman pembiayaan RM75 ribu
- o Deposit 5% = RM75 ribu
- o Bayaran Balik Pinjaman RM238 @ 1 bulan 300 bulan (25 tahun)

06-761 6871
016-744 3251

megat @negerikita

SKIM SEJAHTERA RAKYAT
SISWA & SISWAZAH

- RM1,000 Ijazah Sarjana Muda
- RM750 Diploma
- RM500 Sijil
- RM5,000 Anugerah Khas Ijazah Khas Pertama di IPTA.

megat @negerikita

BANTUAN KHAS KEWANGAN

Kakitangan awam
Satu bulan setengah @ minimum RM 2,500
Akan dibayar 2X:
① Hujung Februari 2024
② Hujung Mac 2024 menjelang Hari Raya Aidilfitri.

megat @negerikita

TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGERI SEMBILAN (TUNS)

Geran TUNS RM3 RIBU untuk peniaga/peniaga kecil.


- o Anak Negeri Sembilan.
- o Berdaftar dengan SSM (lebih dari 3 bulan)
- o Jualan kurang RM1000ibu setahun.
- o Tidak muflis.
- o Tidak pernah terima TUNS.
- o Operasi & lalamat di Negeri Sembilan.

SKIM SEJAHTERA RAKYAT

- RM100 Bayi & Kanak-kanak
- RM500 Belia & Wanita Pij kahwinan
- RM200 Ibu Tunggal
- RM200 Wangi Emas To tahun ke atas
- RM1,000 Ijazah Sarjana Muda
- RM750 Diploma
- RM500 Sijil
- RM5,000 Anugerah Khas Ijazah Khas Pertama di IPTA.
- RM200 e-kasih Keluarga Terminis

megat @negerikita

TEKA SILANG KATA SIRI 1 (2024)



SUDOKU

8		6			3			9
	4			1				6 8
2			8 7					5
1		8			5			2
		3		1				5
7		5			3			9
	2 1				7			4
6					2		8	
	8 7	6		4				3

Jawapan :

8	1	7	4	9	2	8	6
6	4	8	1	7	5	9	9
9	4	5	8	6	1	7	5
1	8	6	7	5	9	2	4
4	5	9	8	6	1	7	5
4	7	5	9	2	8	6	1
5	8	4	9	2	8	6	1
8	9	4	6	1	7	5	9
7	6	1	5	4	9	2	8

Melintang

2. Styling pada web
10. Codec
12. Bagian kecil dari movie
14. Kepingan cakera
15. Aplikasi yang penggunaannya dapat dilakukan secara bebas
16. Musical Instrument Digital Interface
17. Pengubahan (pembuatan) file image/gambar menjadi file animasi/video

Menegak

1. Kumpulan perintah disusun dalam bahasa komputer
3. Jenis media untuk menyampaikan informasi secara tulis
4. Perekaman video atau gambar ke Harddisk Komputer
5. Penyiaran kepada khalayak ramai
6. Pengembangan dari Compact Disk
7. Kerangka halaman web
8. Software animasi 3d
9. Orang yang membuat dan memelihara website
11. Dirakam dari suatu bioskop dengan menggunakan kamera digital
13. Tipe jaringan
18. Titik per inci

Himpunan Mega Demi Palestin disertai lebih 1,000 peserta



KUALA LUMPUR: Himpunan Mega Demi Palestin yang dianjurkan oleh Sekretariat Solidariti Palestin di ibu kota lalu disertai lebih 1,000 orang peserta.

berarak sejauh lima kilometer sambil melalui Kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Tun

Razak sebelum ke Dataran Merdeka.

Himpunan tersebut adalah sebagai tanda solidariti rakyat Malaysia untuk menentang kekejaman yang dilakukan oleh zionis ke atas saudara kita di Gaza, Palestin.

Dalam pada itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abd Majid berkata, himpunan tersebut berjalan dengan lancar tanpa sebarang insiden buruk berlaku.

Tinjauan mendapati himpunan tersebut disertai pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa.

"Kita juga turut menempatkan anggota secukupnya bagi membantu melancarkan perarakan dan himpunan tersebut," kata Allaudeen.

Mereka pada awalnya berkumpul di Menara TH

WHO gesa rejim Israel benarkan akses kemanusiaan ke Gaza



GENEVA: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menggesa rejim Israel supaya membenarkan akses supaya bantuan kemanusiaan ke Gaza.

permohonan yang kami buat ditolak.

"Selain jaminan keselamatan di laluan kami tidak diberikan.

Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata, sebanyak enam buah misi kemanusiaan yang dirancang tetapi terpaksa dibatalkan.

"Pelbagai siri pengeboman, sekatan ke atas pergerakan, kekurangan bahan api dan komunikasi yang mengganggu hingga menyebabkan WHO bersama pasukan lain tidak dapat sampai ke kawasan yang dituju.

"Hal ini demikian kerana

"Walaupun kami mempunyai bekalan dan rancangan, kami tidak mempunyai akses untuk ke sana.

"Oleh itu kami seru kepada Israel supaya meluluskan permintaan WHO dan rakan kongsi lain untuk menyampaikan bantuan kemanusiaan," kata Tedros.

PERANG PALESTIN- ISRAEL

LEBIH 25,000
Angka kematian dicatatkan dan lebih **60,000** cedera parah

Lebih 25,000 warga Palestin terkorban sejak Oktober

GAZA: Angka kematian di Palestin kini telah melebihi 25,000 orang, manakala lebih 60,000 orang pula mengalami kecederaan sejak serangan rejim Israel pada 7 Oktober lalu.

Angka ini dijangka akan terus meningkat dari hari ke hari.

Seorang warga Palestin yang dikenali sebagai Amer berkata, mereka telah berjuang untuk bertahan daripada bom.

"Tetapi kami juga cuba untuk bertahan lebih lama dalam kelaparan.

"Bertahan dalam peperangan lebih mudah jika nak dibandingkan dengan mencari makanan untuk ahli keluarga," kata beliau.

Sampai bilakah kita akan melihat saudara sesama Islam akan terus diperlakukan sebegini rupa?



KBS Motorsport Carnival mampu lahirkan pelumba profesional

JEMPOL: Program KBS Motorsport Carnival Negeri Sembilan Tahun 2023 yang diadakan di Litar Permotoran Jempol Motorplex, mampu melahirkan pelumba motosikal profesional.



Exco Pembangunan Belia dan Sukan, YB Mustapha Nagoor berkata, program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri

Sembilan dengan kerjasama Persatuan Sukan Bermotor PRD untuk memberi pendedahan kepada golongan remaja dan belia yang mempunyai potensi berlumba secara profesional.

"Kerjasama sebegini sangat selari dengan konsep Malaysia MADANI di mana suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi.

"Saya bangga Kerajaan Negeri Sembilan mengiktiraf daerah Jempol sebagai sebuah daerah

sukan permotoran.

"Litar ini telah mendapat kelulusan spesifikasi dari Motorsport Association of Malaysia (MAM).

"Usaha Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan program seumpama ini dilihat dapat mengurangkan dan membanteras masalah sosial dalam kalangan belia," katanya.

Mustapha yang juga ADUN Palong berkata, beliau mahu melihat anak-anak muda bergiat aktif dan sentiasa melibatkan



diri dalam program-program yang banyak memberi manfaat.

"Semoga segala ilmu dan kemahiran yang diperolehi

dengan sebaiknya mampu membuktikan kepada keluarga dan masyarakat bahawa belia merupakan harapan bangsa dan negara," ujarnya.

SUKNES peluang cungkil bakat baharu anak muda



SIKAMAT: Sukan Negeri Sembilan (SUKNES) adalah satu platform bagi mencungkil bakat baharu anak muda dalam bidang sukan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, program ini mencungkil bakat melalui peringkat setiap DUN.

"Seterusnya ke peringkat negeri yang bakal diadakan pada hujung bulan ini.

"Ini memberi peluang kepada semua anak-anak muda

tempatan untuk menonjolkan bakat mereka dalam acara yang dipertandingkan seperti badminton, futsal, takraw dan bola jaring.

"Ia juga memberi satu peluang kepada mereka untuk menjadikan sukan sebagai gaya hidup yang sihat," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Penyampaian Hadiah SUKNES DUN Sikamat.

Ampangan johan SUKNES 2024

SEREMBAN: DUN Ampangan muncul sebagai Johan keseluruhan Sukan Negeri Sembilan (SUKNES 2024) yang berlangsung selama tiga hari di sini.

Ampangan muncul juara acara sepak takraw dan tempat ketiga dalam acara futsal dan bola jaring.

Acara futsal dimenangi DUN Sikamat, manakala acara bola jaring dimenangi DUN Chembong dan DUN Lukut pula muncul johan acara Badminton.



Berikut kedudukan pencapaian mengikut acara sukan:

Futsal: Sikamat (Johan) Serting (Naib Johan) Jeram Padang dan Ampangan (Ketiga bersama).

Bola jaring: Chembong (Johan) Paroi (Naib Johan) Bukit Kepayang dan Ampangan (Ketiga bersama).

Badminton: Lukut (Johan) Pilah (Naib Johan) Chuah dan Pertang (Ketiga bersama).

Sepak takraw: Ampangan (Johan) Rantau (Naib Johan) Paroi dan Jeram Padang (Ketiga bersama).

Kejohanan ini anjuran Kerajaan Negeri Sembilan.





SUKAN NEGERI KITA

Pesta Bola Ngoca: Vietnam muncul juara 'World Cup Sawah'

KUALA PILAH: Pasukan dari-pada negara Vietnam menjadi juara bagi kategori 'World Cup Sawah' dan membawa pulang wang tunai RM5,000.

Menteri Besar, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, Pesta Bola Ngoca yang dianjurkan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun ini telah memperkenalkan kategori antarabangsa yang dipanggil 'World Cup Sawah'.

"Kategori ini diperkenalkan kerana kejohanan pada tahun ini menerima penyertaan pasukan daripada luar negara iaitu Kedutaan Zambia dan juga Vietnam.

"Tiga pasukan daripada Malaysia, Zambia dan Vietnam bertanding bagi merebut kejuaraan.



"Hadiah bagi kategori ini adalah wang tunai sebanyak RM5,000 dan bertujuan meraikan penyertaan daripada pasukan luar negara

"Kita dapat lihat di sini bahawa sukan tradisi Negeri Sembilan ini perlu dipandang

pada tahap yang lebih tinggi lagi," ujar Aminuddin di Majlis Perasmian Pesta Bola Ngoca 2023 di Kampung Budaya Terachi.

Pesta Bola Ngoca 2023 catat penyertaan tertinggi



KUALA PILAH: Pesta Bola Ngoca 2023 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan melalui Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan berjaya mencatat penyertaan tertinggi sejak kali pertama ia diadakan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, sebanyak 176 pasukan daripada seluruh negara telah menyertai kejohanan

pada tahun ini.

"Ia terdiri daripada 28 pasukan lelaki dan 48 pasukan wanita yang menyaksikan pertambahan kouta pada saat akhir kerana permintaan yang tinggi.

"Kita menerima 36 pasukan daripada Kuala Lumpur, 20 daripada Selangor, sembilan daripada Kelantan, lapan daripada Melaka, enam daripada

Terengganu, lima daripada Kedah dan dua pasukan masing-masing daripada Pahang, Perlis dan Perak.

"Selebihnya adalah daripada Negeri Sembilan serta badan agensi beruniform," kata Aminuddin.

Gers FC'D juara Pesta Bola Ngoca 2023



KUALA PILAH: Pasukan Gers FC'D berjaya menjadi juara Kejohanan Pesta Bola Ngoca 2023 bagi kategori lelaki.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, pasukan daripada Putrajaya ini membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM15,000.

"Manakala bagi kategori perempuan pula, Aurel FC daripada Kelantan menjadi juara dan memperolehi wang tunai sebanyak RM8,000.

"Tahniah saya ucapkan kepada semua pemenang pada kejohanan kali ini," kata Aminuddin.

Dalam pada itu, pasukan daripada negara Vietnam menjadi juara bagi kategori 'World Cup Sawah' yang diadakan buat pertama kali dalam kejohanan ini.

Program yang berlangsung selama dua hari itu menyaksikan kehadiran lebih 35,000 pengunjung dari dalam dan luar negeri.

Berikut keputusan penuh bagi kejohanan Pesta Bola Ngoca 2023:



Kategori Lelaki :
Johan : **Gera FC'D**
Naib Johan : **Sri Kasih Defender A**
Ketiga : **Perhentian Ngoca**



Kategori Perempuan :
Johan : **Aurel FC**
Naib Johan : **Black WidowJuaasseh**
Ketiga : **REM FC**



Kategori World Cup Sawah :
Johan : **Vietnam**
Naib Johan : **Zambia**
Ketiga : **Malaysia**

